

MEMPERKASA PENGUKUHAN AKIDAH KEPADA SEMUA PERINGKAT MASYARAKAT

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Sabtu, 4 Julai. - Sesungguhnya peristiwa hijrah bukan sekadar berpindah tempat, tetapi malah adalah penyelamat kepada akidah. Sekiranya tanpa hijrah, akidah akan susah berkembang dihalangi oleh kaum musyrik Mekah.

Lalu kerana itu, Allah memerintahkan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam untuk berhijrah. Peristiwa ini dapat dijadikan pengajaran untuk mendepani cabaran semasa. Di antara cabaran era baharu ialah perkembangan pesat teknologi digital, yang menjadikan umat Islam turut berhadapan dengan limpahan maklumat tanpa sempadan.

>> Muka 2

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



Berita Utama



BRUNEI perkukuh kedudukan pelancongan serantau melalui Travel Meet Asia 2026

Muka 9



PEMENANG Peringkat Akhir Pertandingan Koir diraikan

Muka 13



HOSPITAL SSB raikan Sambutan Hari Jururawat, Perbidanan Antarabangsa 2026

Muka 19



'BEAUTELEVEN' menggambarkan perjalanan usaha Nuramanina

Muka 20

Pelancaran Buku Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025-2029

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Julai. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) petang tadi mengadakan Majlis Pelancaran Buku Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025-2029 bersempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2026 yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Hadir menyempurnakan pelancaran tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

>> Muka 9

BIBD perkasa kepimpinan, tingkatkan pengalaman pelanggan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Julai. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini menghimpunkan para pemimpin dan pegawai eksekutif tertingginya dalam satu Sesi Town Hall yang bertujuan mempertingkatkan kecemerlangan perkhidmatan pelanggan melalui kepimpinan yang diperkasa dan pertengahan Kumpulan BIBD, termasuk BIBD At-Tamwil, BIBD Securities dan Olive

Digital Services.

Sesi Town Hall tersebut dirasmikan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, yang juga selaku Pengerusi Kumpulan BIBD.

>> Muka 8

Bina ketakwaan, jalankan amanah, pelihara keamanan negara

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Julai. - Tazkirah ini mengajak umat Islam untuk menghayati bahawa syurga Allah Subhanahu Wata'ala memiliki 'resepi' yang telah ditunjukkan melalui Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dua ramuan utama yang diketengahkan ialah ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung ketaatan kepada pemimpin dalam perkara yang diredai Allah.

Takwa merupakan asas kepada kejayaan sebenar seorang Muslim, bukan sekadar

dalam ibadah khusus, bahkan dalam amanah, akhlak dan kehidupan seharian. Seperti di dalam kisah masyhur Abdullah bin Umar bersama seorang penggembala kambing yang menjadi contoh unggul sifat muraqabah, iaitu keyakinan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melihat setiap perbuatan hamba-Nya. Kisah ini menzahirkan bahawa ketakwaan yang sebenar melahirkan kejujuran dan amanah walaupun tiada manusia yang menyaksikannya.

>> Muka 8

Memperkasa pengukuhan akidah kepada semua peringkat masyarakat

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, kita sedia mengakui bahawa kemajuan ini banyak membawa manfaat tetapi dalam masa yang sama, ia juga membuka ruang yang sangat luas untuk lahirnya pendapat-pendapat atau pemikiran-pemikiran baharu yang bercanggah dengan akidah.

Titah baginda lagi, jika kita membiarkan pendapat-pendapat dan pemikiran-pemikiran baharu ini terus berkembang, maka sudah tentu ia berpotensi untuk menggugat keharmonian beragama di negara ini.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru sama-sama merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita menyambut Tahun Baharu Hijrah 1448 dalam suasana aman dan sejahtera.

Oleh itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah melahirkan harapan supaya semangat Ilal Hijrah akan benar-benar dihayati bagi memperkukuh akidah Ahli Sunnah Waljamaah melalui pembangunan modal insan seimbang.

"Kita tidak mahu dalam negara ini ada golongan anti tahlil, anti talqin, anti ziarah kubur dan anti merayakan Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam serta lain-lain amalan yang baik.

"Kita tidak mahu semua ini, kerana ia mencemari ajaran aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Perkara ini perlu difahami oleh semua agensi kerajaan, institusi pendidikan, institusi masjid, para ilmuwan, belia dan malah seluruh lapisan masyarakat," titah baginda.

Maka untuk itu, titah baginda,

program-program pengukuhan akidah mestilah terus diperkasa dan dilaratkan kepada semua peringkat masyarakat. Pendekatan holistik amatlah diperlukan untuk melahirkan generasi, yang bukan hanya cemerlang dalam akademik, malah sekali gus memiliki akidah yang mantap dan akhlak yang mulia, yang mampu menghadapi segala cabaran, titah baginda lagi.

"Cabaran dalam era baharu ini adalah pelbagai. Ia berlaku dalam rumah, dalam sekolah, dalam pusat pengajian dan sebagainya.

"Contoh cabaran dalam rumah ialah, anak-anak tidak mentaati ibu bapa, suka membantah dan menolak nasihat. Sementara contoh cabaran dalam sekolah dan pusat pengajian pula, berlakunya budaya buli dan dera sesama sendiri, selain kecenderungan melanggar disiplin dan peraturan," titah Kebawah DYMM.

Baginda bertitah, ini semua menghendaki adanya langkah tegas daripada pihak-pihak berkenaan, bukan menunggu sampai penyakit ini melarat atau merebak.

Pada kesempatan ini,



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara.

baginda dengan tulus ikhlas bertitah menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Anugerah Ilal Hijrah pada tahun ini dan seterusnya melahirkan harapan penganugerahan ini akan menjadi sumber inspirasi untuk lebih ramai lagi individu dan organisasi

menjulung tinggi syiar Islam dan memperkasa dakwah demi meraih keredaan Allah.

Akhirnya, Kebawah DYMM mendoakan semoga kita dan Negara Brunei Darussalam sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	ISNIN	20	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
7	SELASA	21	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
8	RABU	22	4.39	4.49	6.14	6.38	12.26	3.52	6.37	7.52
9	KHAMIS	23	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
10	JUMAAT	24	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
11	SABTU	25	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
12	AHAD	26	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
ISNIN			SELASA			RABU				
Bandar Seri Begawan										
33	25	°C	33	24	°C	33	24	°C		
Pekan Bangar										
30	25	°C	32	24	°C	30	24	°C		
Pekan Tutong										
33	25	°C	32	24	°C	33	24	°C		
Kuala Belait										
32	25	°C	32	24	°C	32	25	°C		

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

6 JULAI 2026

Semai budaya bersedekah dalam masyarakat

BERSEDEKAH merupakan salah satu amalan mulia yang sangat digalakkan dalam semua lapisan masyarakat. Sedekah bukan sahaja bermaksud memberi wang, malah merangkumi pemberian makanan, pakaian, tenaga, masa, ilmu, dan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Amalan ini mencerminkan sifat pemurah, penyayang dan prihatin terhadap kebajikan orang lain.

Salah satu kepentingan amalan bersedekah ialah dapat membantu golongan yang kurang bernasib baik. Bantuan yang diberikan mampu meringankan beban mereka dalam memenuhi keperluan harian. Walaupun nilai sumbangan yang diberikan kecil, manfaatnya tetap besar kepada penerima. Sikap saling membantu ini juga dapat mengurangkan jurang sosial dan mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni.

Bagi membudayakan amalan bersedekah, ibu bapa, sekolah, dan masyarakat perlu memainkan peranan penting. Anak-anak harus dididik sejak kecil supaya gemar berkongsi rezeki dan membantu mereka yang memerlukan. Selain itu, pelbagai program kebajikan dan kempen kesedaran boleh dianjurkan untuk memupuk semangat sukarela dan sifat prihatin dalam kalangan masyarakat.

Apabila Allah Subhanahu Wata'ala memberi kita harta dan rezeki yang lebih, ia bukanlah untuk kita bermegah-megah dan menyuruh berbelanja, akan tetapi untuk kita lebih memberi. Ini kerana dalam setiap rezeki atau harta yang kita peroleh itu terdapat juga hak orang lain di dalamnya.

Sebagaimana dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Munafiqun ayat 10 tafsirnya: "Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang kami kurniakan kepada kamu sebelum kematian datang kepada salah seorang daripada kamu lalu dia pun berkata. "Ya Tuhanku! Alangkah baiknya kalau engkau tangguhkan kematianku hingga beberapa waktu lagi supaya aku dapat bersedekah dan aku termasuk dalam golongan orang-orang soleh".

Terdapat pelbagai cara untuk mengamalkan sedekah dalam kehidupan seharian. Kita boleh menderma kepada tabung kebajikan, memberikan makanan kepada golongan yang memerlukan, membantu jiran yang menghadapi kesusahan, atau berkongsi ilmu dengan rakan-rakan. Walaupun sumbangan yang diberikan kecil, ia tetap membawa makna yang besar jika dilakukan dengan ikhlas.

Oleh itu, amalan bersedekah membawa pelbagai manfaat kepada pemberi, penerima, dan masyarakat secara keseluruhannya. Dengan menjadikan amalan ini sebagai budaya hidup, kita dapat melahirkan masyarakat yang penyayang, bersatu padu, dan saling membantu. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دريتكن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرين ت قلس سندیین برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1448 PERINGKAT NEGARA



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

BERAKAS, Sabtu, 4 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (atas kiri dan atas).

Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penasihat

Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah; Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengendali Bersama; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, selaku Pengendali Bersama; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran iaitu Surah An-Nahl, ayat 41 hingga 44 oleh Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin, dan Tadabbur disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Sejurus itu, sembah alu-aluan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis

Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1448H dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H.

Dalam sembah alu-aluan, Yang Berhormat menyatakan bahawa, "Peristiwa agung itu bukan sekadar catatan sejarah, bahkan suatu manhaj pembinaan umat: daripada tekanan kepada keteguhan, daripada perpecahan kepada perpaduan, daripada ketakutan kepada keyakinan, dan daripada kelemahan kepada kekuatan yang dipandu oleh iman, ilmu, sabar, tawakal dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala".

>> Muka 4



SEMBAH alu-aluan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1448H dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H (atas kanan). Manakala gambar atas tengah, doa dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Sementara gambar kiri, majlis dimeriahkan dengan Persembahan Khas iaitu Puisi Dokumentari Hijrah.



SUASANA pada majlis tersebut (atas dan kiri).



SEKITAR Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

melalui Majlis Ugama Islam Brunei.

"Alhamdulillah, negara kita terus menikmati keamanan dan keharmonian di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik yang sentiasa memberikan penekanan terhadap pemeliharaan aqidah, syiar Islam, perpaduan rakyat dan pembangunan negara yang seimbang antara kemajuan duniawi dan ukhrawi," sembahnya.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah.

Majlis kemudian diteruskan dengan Persembahan Khas iaitu Puisi Dokumentari Hijrah yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, JPI, KHEU, Awang Haji Jaya bin Haji Metussin; Setiausaha Pertama, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit; Kerani Kanan, Pemangku Penyelia Baiduri Bank Sendirian Berhad, Awang Muhammad Zulhilmi bin Haji Hasan; Guru Ugama Terlatih, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Nurzaidah binti Harun; Pegawai Pendidik Ugama, KHEU, Dayang Nor Fadzilina binti Haji Abd. Rahman.

Seterusnya, Pemakluman Anugerah Ilal Hijrah menerusi tayangan video mengenai Penerima-Penerima Anugerah Tokoh Ugama Ilal Hijrah; Anugerah Jasawan Ilal Hijrah; Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah; dan Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah 1448.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Ilal Hijrah kepada para penerima.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Majlis dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, dan Baiduri Bank Sendirian Berhad.

Tema bagi majlis tahun ini ialah 'Hijrah Penyelamat Aqidah'.

>> Muka 3

Jika pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sembah Yang Berhormat, hijrah menjadi jalan menyelamatkan iman dan tauhid daripada penindasan serta ancaman, maka pada hari ini hijrah

penyelamat aqidah ialah usaha berterusan untuk memelihara kesucian pegangan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah, memperkukuh jati diri Islam serta membimbing generasi agar tetap teguh berpegang kepada ugama di tengah-tengah cabaran pemikiran dan arus globalisasi.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui KHEU dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lainnya serta pihak-pihak yang berkepentingan terus beriltizam dan komited dalam mengukuh dan menyuburkan kefahaman aqidah yang sahih melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang tersusun dan inklusif yang menyasarkan kepada setiap peringkat masyarakat misalnya program 'Tanbih Wa Tahsin' dan Program al-Wa'yu yang dilaksanakan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Program - program ini bermatlamat bagi meningkatkan kefahaman mengenai kesalahan dan penyelewengan akidah melalui ajaran-ajaran sesat serta kefahaman ekstrem dan penganasan yang sangat bertentangan dengan amalan hidup beragama di negara ini.

Dalam pada itu, sembah Yang Berhormat lagi, antara usaha yang paling signifikan dalam memastikan pemeliharaan aqidah dalam kalangan masyarakat dapat terus diperkukuhkan dan dimantapkan adalah dengan pelaksanaan Sistem Pendidikan Ugama Secara Formal sejak sekian lama di samping pemantauan Tauliah Mengajar yang dilaksanakan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama salah seorang penerima (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra (atas dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan berjunjung ziarah (kiri dan atas).

BERKENAN MENGURNIAKAN ANUGERAH ILAL HIJRAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Ugama Ilal Hijrah kepada Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie dan Anugerah Jasawan Ilal Hijrah kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md. Said (atas kiri dan atas kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

BERAKAS, Sabtu, 4 Julai. - Seramai sembilan penerima anugerah telah diumumkan pada Pemakluman Anugerah Ilal Hijrah menerusi tayangan video mengenai Penerima-penerima Anugerah Tokoh Ugama Ilal

Hijrah; Anugerah Jasawan Ilal Hijrah; Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah; dan Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah 1448 pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara yang diadakan di Pusat Persidangan

Antarabangsa, di sini.

Pengurniaan Anugerah Ilal Hijrah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penerima Anugerah Tokoh

Ugama Ilal Hijrah ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Tokoh Ugama Ilal Hijrah menerima wang tunai BND20,000; Hadiah iringan berupa plak kristal; Sijil penghargaan; Kain tenunan Brunei; dan Kemudahan perubatan percuma dalam Wad

Kelas Satu di mana-mana rumah sakit kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Sementara, Penerima Anugerah Jasawan Ilal Hijrah dianugerahkan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md. Said.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah bagi Kategori Pendidikan diberikan kepada Sekolah Membaca Al-Quran IQRA dan Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah bagi Kategori Dakwah dianugerahkan kepada Awang Haji Mohd. Ukit bin Mokti @ Ukit bin Mokti (atas kiri dan atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya mengurniakan Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah bagi Kategori Masjid kepada Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang, Daerah Tutong dan Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah bagi Kategori Kebajikan dan Kesukarelawan dianugerahkan kepada The Aftercare Support Association (AFSA) (atas kiri dan atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah bagi Kategori Pewakaf Pertama diberikan kepada Awang Haji Hasbi bin Pehin Khatib Abdullah bersama isteri dan anak-anak dan Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah bagi Kategori Pewakaf Kedua diberikan kepada Malai Haji Abdul Hamid bin Malai Haji Mashor (mewakili keluarga Allahyarham Malai Haji Mashor bin Malai Haji Damit) (atas kiri dan atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah bagi Kategori Muzakki dianugerahkan kepada Haji Daud Properties.

>> Muka 5

Jasawan Ilal Hijrah menerima wang tunai BND10,000; Hadiah iringan berupa plak kristal; Sijil penghargaan; Kain tenunan Brunei; dan Kemudahan perubatan percuma dalam Wad Kelas Satu di mana-mana rumah sakit kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, Penerima Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah bagi Kategori Dakwah dianugerahkan kepada Awang Haji Mohd. Ukit bin Mokti @ Ukit bin Mokti iaitu menerima wang tunai BND5,000; Hadiah iringan berupa plak kristal; Sijil penghargaan; dan Kain tenunan Brunei.

Sementara itu, Penerima Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah bagi Kategori Pendidikan diberikan kepada Sekolah Membaca Al-Quran IQRA; Penerima Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah bagi Kategori Masjid diumumkan kepada Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang, Daerah Tutong; dan Penerima Anugerah Cemerlang Ilal Hijrah bagi Kategori Kebajikan dan Kesukarelawan

dianugerahkan kepada The Aftercare Support Association (AFSA) yang masing-masing menerima wang tunai BND5,000; Hadiah iringan berupa plak kristal; Sijil penghargaan; dan Frame Kain tenunan Brunei.

Seterusnya, bagi Penerima Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah bagi Kategori Pewakaf Pertama diberikan kepada Awang Haji Hasbi bin Pehin Khatib Abdullah bersama isteri dan anak-anak.

Sementara, Penerima Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah bagi Kategori Pewakaf Kedua diberikan kepada Malai Haji Abdul Hamid bin Malai Haji Mashor (mewakili keluarga Allahyarham Malai Haji Mashor bin Malai Haji Damit).

Manakala, Penerima Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah bagi Kategori Muzakki dianugerahkan kepada Haji Daud Properties.

Penerima-penerima Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah Kategori Pewakaf dan Muzakki masing-masing menerima wang tunai BND3,000; Hadiah iringan berupa plak kristal; dan Sijil penghargaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai bersama para penerima anugerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi acara berkenaan.

LARIAN AMAL ERATKAN HUBUNGAN, PUPUK SEMANGAT KEBAJIKAN



BERANGKAT bagi memeriahkan acara tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berserta anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah (atas kiri dan atas kanan).

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Hernie Suliana Othman

TEMBURONG, Sabtu, 4 Julai. - Semangat kesukarelawanan, kebajikan dan amalan gaya hidup sihat terus diperkukuhkan menerusi penganjuran Larian Amal UNIKLEARN, dianjurkan bersama Victory Athletes dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong dan Imagine Sendirian Berhad yang berlangsung di kawasan Pekan Bangar, Daerah Temburong. Berangkat bagi memeriahkan

acara tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berserta anakanda - anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan sebelum para peserta dilepaskan mengikut kategori larian, iaitu 10 kilometer (km), 5km dan 2.5km. Penyertaan tersebut amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat

mencerminkan sambutan positif terhadap aktiviti yang menggabungkan elemen kesihatan, rekreasi dan kebajikan.

Acara tersebut bertujuan menggalakkan orang ramai untuk mengamalkan gaya hidup yang aktif di samping menyemai semangat prihatin serta tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat. Selain menjadi platform mengeratkan hubungan silaturahim, acara berkenaan turut memperlihatkan

komitmen berterusan Imagine Sendirian Berhad dalam menyokong usaha pembangunan komuniti.

Sejurus selesai acara larian, majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi setiap kategori yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Sosial, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Siti Zarena binti Haji Ismail selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Acara larian amal tersebut disokong oleh Penaja Emas, Starbalm, Aewon, D'Sunlit Sdn. Bhd. dan Victory Athletes. Sementara itu, Peak Performance sebagai Penaja Perak dan Adana, Takaful Brunei dan UNN selaku Penaja Gangsa. Turut disokong oleh Blu9, GoMamam, Dynamic Sports dan RSW.

Penganjuran acara seumpama ini diharap akan terus mendapat sambutan masyarakat sekali gus menyemarakkan budaya hidup sihat, mengukuhkan semangat perpaduan serta menyokong usaha kebajikan demi kesejahteraan sesama masyarakat.



PENYAMPAIAN hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Sosial, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Siti Zarena binti Haji Ismail (kiri). Sementara gambar kanan, momen ketika para peserta larian amal tersebut dilepaskan.



Berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari Perpisahan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menghoskan Majlis Santap Tengah Hari Perpisahan bagi Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio.

JERUDONG, Sabtu, 4 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini berkenan menghoskan Majlis Santap Tengah Hari Perpisahan bagi

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio, yang akan menamatkan perkhidmatan, di Istana Nurul Izzah, Jerudong.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen merakamkan penghargaan kepada Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD di atas sumbangan beliau

dalam mengeratkan lagi jalinan persahabatan yang sekian lama terjalin di antara NBD dan Republik Filipina.

Kedua negara menubuhkan hubungan diplomatik pada 1 Januari 1984 dan menikmati hubungan kerjasama dua hala yang sangat baik dalam bidang perdagangan, pertahanan, kesihatan dan pertukaran antara rakyat.

Puan Yang Terutama telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022.

BIBD PERKASA KEPIMPINAN, TINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, juga selaku Pengerusi Kumpulan BIBD semasa hadir pada sesi Town Hall tersebut.

PEMANGKU Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah ketika menyampaikan ucapan.

>> Muka 1

Kehadiran Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mencerminkan kepentingan yang diberikan oleh BIBD terhadap komitmen kepimpinan di peringkat tertinggi, sekali gus menunjukkan sokongan jelas Lembaga Pengarah terhadap agenda kecemerlangan perkhidmatan bank dan menjadi contoh kepimpinan yang memimpin daripada peringkat atasan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji

Wahsalfelah serta barisan pengurusan kanan dan kakitangan daripada seluruh Kumpulan BIBD.

Dalam ucapan pembukaannya, Awang Haji Mohammad Yusri menegaskan bahawa Sesi Town Hall itu bukan sekadar satu perhimpunan, malah merupakan platform untuk membina kepercayaan, menggalakkan dialog, memperkukuhkan akauntabiliti serta memupuk kerjasama dan penambahbaikan berterusan di seluruh organisasi.

Menurutnya, budaya organisasi tidak dibentuk oleh dasar semata-mata tetapi melalui tindakan dan tingkah laku harian para pemimpin yang secara langsung mempengaruhi pengalaman perkhidmatan yang diterima oleh pelanggan.

Beliau turut menekankan kepentingan Piagam

Perkhidmatan Pelanggan (Client Service Charter) yang dilancarkan pada Januari 2026 sebagai rangka kerja panduan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang konsisten serta mencerminkan komitmen bersama terhadap kecemerlangan.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohammad Yusri mengulangi bahawa kepimpinan memainkan peranan penting dalam menetapkan hala tuju, memacu pelaksanaan serta membuat keputusan yang menyumbang kepada pencapaian Wawasan

Brunei 2035.

"Mesej ini amat mendalam. Kepimpinan bukan ditentukan oleh gelaran atau jawatan tetapi oleh tingkah laku," jelasnya. Beliau mengingatkan bahawa standard yang ditegakkan oleh para pemimpin akan menjadi standard yang diikuti oleh pasukan masing-masing dan tingkah laku kepimpinan merupakan jambatan yang menghubungkan budaya organisasi dengan kepercayaan pelanggan.

Melalui Sesi Town Hall tersebut, BIBD menegaskan bahawa kepimpinan adalah satu amanah yang menuntut integriti, keikhlasan, konsistensi serta rasa tanggungjawab yang tinggi dalam membimbing pasukan dan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Prinsip ini menjadi asas kepada aspirasi lebih luas BIBD untuk

memperkukuhkan keyakinan masyarakat, meningkatkan standard perkhidmatan serta menyumbang secara bermakna kepada pembangunan negara dan pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Dalam ucapan penutup, Pemangku Timbalan Pengarah Urusan, Dayang Hazimah 'Izzati binti Pehin Dato Haji Adnan mengingatkan para peserta bahawa kepimpinan bukan sekadar satu jawatan tetapi juga satu tanggungjawab yang melangkaui pencapaian serta menuntut tujuan yang jelas, keikhlasan dan usaha berterusan ke arah kecemerlangan.

Beliau turut menyatakan bahawa sifat interaktif Sesi Town Hall tersebut membuktikan amalan kepimpinan yang mendengar, melibatkan serta sentiasa belajar dan menggesa agar segala pandangan serta pengajaran yang diperoleh diterjemahkan kepada tindakan nyata dalam amalan kepimpinan harian.

Sesi tersebut turut menegakan kepentingan melengkapkan para pemimpin dengan pemikiran dan keupayaan untuk memacu perubahan yang bermakna, memupuk kerjasama merentas bahagian serta mengekalkan nilai-nilai yang menjadi teras budaya perkhidmatan BIBD.

Dengan memberi tumpuan kepada tingkah laku kepimpinan dan penyelarasan organisasi, Sesi Town Hall itu sekali lagi menegaskan komitmen BIBD untuk membina sebuah institusi yang berdaya tahan, berteraskan pelanggan dan bersedia menghadapi masa depan.

Bina ketakwaan, jalankan amanah, pelihara keamanan negara



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir secara maya bagi menyemarakkan lagi Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-236.

negara yang terus dilipahi keamanan, kemakmuran dan rahmat-Nya.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Resepi Menuju Ke Syurga: Rakyat Bertakwa, Menjunjung Raja' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-236 pada malam tadi.

Menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli Jawatankuasa Takmir, para belia dan jemaah dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas; Masjid Kampung Kilanas; serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara. Turut menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara

maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Munajat malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Kampung Kilanas dan Pemangku Ketua Kampung Jangsak, Awang Haji Mohammad Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid selaku Penasihat Bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas yang bersiaran dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat II, Masjid Kampung Kilanas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Muhammad Fahmie bin Awang Haji Metussin, dari Masjid Kampung Kilanas.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Ketua Imam Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Ade Aiman bin Haji Muhidin, dari masjid berkenaan.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai oleh Ahli Jawatankuasa Takmir dan Kumpulan Belia, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit,

Mukim Kilanas dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Ketua Imam Masjid Kampung Kilanas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohd. Redzuan bin Haji Marzuki, dari Masjid Kampung Kilanas.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit. Semoga segala amalan kerohanian dan Doa Munajat yang kita rafakkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: <http://tiny.cc/munajatkheu>.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, nilai tersebut diterjemahkan melalui kesetiaan kepada institusi raja, pemeliharaan keamanan negara, kepatuhan kepada undang-undang yang berlandaskan syariat serta sokongan terhadap usaha memartabatkan agama Islam.

Seluruh masyarakat diajak untuk mengamalkan 'resipi menuju syurga' dengan membina ketakwaan, memelihara amanah, serta menjadi rakyat yang berakhlak mulia dan menjunjung raja berlandaskan tuntutan Islam. Dengan menjadi rakyat yang bertakwa dan menjunjung raja, maka lahirilah sebuah masyarakat yang diberkati Allah Subhanahu Wata'ala serta sebuah

PELANCARAN BUKU PELAN TINDAKAN INSTITUSI KELUARGA 2025-2029

>> Muka 1

Terdahulu, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh juga selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025-2029, telah dirangka secara sistematik, inklusif dan bersepadu, melalui penglibatan pelbagai agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan serta rakan-rakan strategik.

Ia tambahnya juga mengambil kira amalan terbaik, di peringkat serantau dan antarabangsa, di samping disesuaikan dengan konteks sosiobudaya dan nilai murni Negara Brunei Darussalam.

"Pelan tindakan ini berpaksikan kepada visi, untuk memperkasa keluarga yang penyayang, kukuh, dan berdaya tahan serta didukung oleh Nilai-nilai Teras Kekeluargaan, SaTu HaraPan iaitu Sayang - menyayangi, Tanggungjawab, Hormat - menghormati dan Pemedulian. Nilai-nilai ini menjadi asas penting, dalam membentuk keluarga yang sejahtera, dan masyarakat yang harmoni," jelasnya.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan pelancaran Buku Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025-2029 oleh tetamu kehormat, diikuti dengan tayangan video.

Acara disusuli dengan penyerahan buku pelan tindakan oleh tetamu kehormat kepada wakil-wakil daripada agensi kerajaan serta rakan strategik yang terlibat dalam pelaksanaan strategi berkenaan.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Kalam Jama'ie daripada pelajar Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Keluarga oleh Guru Agama Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), Awang Haji Nordin bin Haji Durahman.

Selain pelancaran buku, JAPEM juga mengadakan jerayawara dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyempurnakan pelancaran tersebut (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat semasa mengunjungi salah satu reruai di pameran berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

pameran di Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan selama dua hari iaitu Sabtu, 4 Julai 2026, pukul 4.00 petang hingga 9.00 malam dan Ahad, 5 Julai 2026, pukul 11.00 pagi hingga 6.00 petang.

Jerayawara dan pameran ini dibukakan secara percuma kepada orang ramai bagi tujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan institusi keluarga di samping mengetengahkan pelbagai program, perkhidmatan dan inisiatif yang disediakan oleh agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam usaha memperkukuhkan institusi keluarga di Negara Brunei Darussalam.

Pameran ini terbahagi kepada tiga zon utama iaitu Zon 1 : Kehidupan Berkeluarga (Family Life Journey), Zon 2 : Keluarga Berdaya Tahan (Family Resilience) dan Zon 3 : SaTu HaraPan (Family Values and Culture).

Pelbagai pengisian menarik juga diadakan sepanjang penganjuran acara, antaranya pameran informasi

dan perkhidmatan; perkongsian dan bengkel; Aktiviti interaktif seperti Sketsa, Karnival Mini; Kenali Sejarah Kitani; Kembara Bas : Jejak Warisan Brunei (Brunei Heritage Trail Bus Tour) Klinik dan konsultasi; Aktiviti keusahawanan; Demonstrasi seperti First Aid; Panduan Keselamatan Diri : Warga Emas Tunjuk Cara, Persembahan pentas Pertubuhan WARGAMAS, Peserta-peserta OKU Got Talent, Revolution Records & Karyatif Kids.

Antara agensi yang turut menyertai jerayawara dan pameran ini ialah Pasukan Polis Diraja Brunei; Biro Kawalan Narkotik; Universiti Brunei Darussalam; Pusat PRIHATIN, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Pusat Promosi Kesihatan; Jabatanarah Keagamaan (JAMA'AT), ABDB; Jabatan Belia dan Sukan; Mahkamah Syariah; Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; Pusat Sejarah Brunei; Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Muzium-Muzium serta



Jabatan Perundangan Islam.

Selain itu juga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah; YSHHB; Majlis Belia Brunei; Tabung Amanah Pekerja; Pertubuhan Wargamas; Demensia Brunei; Persatuan MAWAR; Persatuan Afiah; Kumpulan Super MaBah, Program Eksekutif Muda Kohort 10; Jerudong Park Country Club; BD Creative Centre; AIA Brunei; Freme Travel Services Sdn. Bhd.; Pusat-pusat Bahagia; Klien-klien Keusahawanan, JAPEM; The White Studio dan Artsthetic Studio serta Stationery Addict BN.

Sambutan HKK disambut pada Ahad pertama bulan Mei setiap tahun, dan pada tahun ini jatuh pada Ahad, 3 Mei 2026 dengan tema 'Keluargaku, Harapanku'.

Fokus HKK selaras dengan misi Pelan Tindakan Keluarga 2025-2029 iaitu Menerapkan Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei : SaTu HaraPan. Ini adalah keperluan bagi mengukuhkan nilai teras kekeluargaan dalam konteks Negara Brunei Darussalam melalui empat teras keluarga iaitu 'Sayang-Menyayangi'; 'Tanggungjawab'; 'Hormat - Menghormati' dan

'Pemedulian'.

Pelancaran Buku Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025-2029 menandakan langkah strategik dan berwawasan kerajaan dalam memperkasa institusi keluarga sebagai benteng utama kesejahteraan sosial serta teras pembangunan masyarakat dan negara.

Ia dirangka secara inklusif melalui pendekatan Whole of Nation, pelan ini menggariskan tiga matlamat utama demi membina keluarga yang bahagia, kukuh, dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Sebagai sebuah dokumen yang dinamik (*living document*), keberkesanan pelan tindakan ini amat bergantung kepada komitmen yang berterusan.

Sehubungan itu, semua kementerian, agensi berkepentingan, pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan seluruh lapisan masyarakat diseru untuk berganding bahu dalam menjayakan inisiatif yang dirancang demi memastikan kesejahteraan institusi keluarga dapat diperkukuhkan secara holistik serta mampan di Negara Brunei Darussalam.

Brunei perkukuh kedudukan pelancongan serantau melalui Travel Meet Asia 2026

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD), melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan di bawah Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, telah menjadi tumpuan sebagai Negara Rakan Rasmi pada Travel Meet Asia 2026, sekali gus menandakan satu pencapaian penting dalam penglibatan sektor pelancongan negara di peringkat serantau.

Penyertaan tersebut turut bertepatan dengan pengenalan rasmi kempen Tahun Melawat Brunei 2027 (Visit Brunei Year 2027), yang memperkukuhkan usaha negara dalam mempertingkatkan kedudukan Brunei sebagai destinasi pelancongan di peringkat serantau dan global.

Sebagai Negara Rakan Rasmi, NBD memanfaatkan platform berkenaan untuk mempromosikan pelbagai produk dan tarikan pelancongan negara kepada

pembeli, penjual serta pemimpin industri pelancongan dari seluruh Asia.

Acara tersebut turut menyediakan peluang yang bernilai untuk mengadakan sesi padanan perniagaan (*business matching*), membina kerjasama strategik serta meningkatkan keterlihatan Brunei sebagai destinasi pelancongan dalam pasaran pelancongan serantau. Acara itu juga menjadi platform strategik bagi meningkatkan kesedaran terhadap kempen Tahun Melawat Brunei 2027, susulan Majlis Pra-Pelancaran kempen berkenaan yang telah diadakan pada 20 Jun 2026.

Menerusi Pavilion Brunei, delegasi negara mengetengahkan pelbagai pengalaman pelancongan unik yang ditawarkan, termasuk warisan budaya, tarikan berasaskan komuniti dan pengembaraan berteraskan alam semula jadi. Kempen tersebut

menampilkan Brunei sebagai destinasi yang selamat, damai dan asli, dengan keistimewaan persekitaran alam semula jadi yang masih terpelihara serta identiti budaya yang kaya.

Sepanjang acara berlangsung, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengadakan lebih daripada 30 sesi padanan perniagaan (B2B) yang dijadualkan bersama pihak berkepentingan utama industri pelancongan Indonesia, termasuk agensi pelancongan, persatuan pelancongan, wakil media dan pemain industri. Sesi tersebut bertujuan memperkukuhkan kerjasama komersial, meneroka peluang pasaran baharu serta meningkatkan kerjasama pelancongan antara kedua-dua negara.

Perbincangan turut memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesalinghubungan, memperkukuhkan kerjasama serantau serta mempromosikan segmen pelancongan utama seperti ekopelancongan,



SESI padanan perniagaan (B2B) bersama pihak berkepentingan utama industri pelancongan Indonesia bertujuan memperkukuhkan kerjasama komersial, meneroka peluang pasaran baharu serta meningkatkan kerjasama pelancongan antara kedua-dua negara.

pelancongan warisan Islam, pelancongan pendidikan, pelancongan berasaskan komuniti dan pelbagai pengalaman pelancongan khusus yang lain.

Penyertaan NBD dalam Travel Meet Asia 2026 mencerminkan komitmen berterusan Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam memperluaskan jangkauan pasaran antarabangsa serta mempelbagaikan sektor pelancongan negara.

Momentum ini turut disokong oleh prestasi kukuh pasaran Republik Indonesia, dengan jumlah ketibaan pelawat meningkat

daripada 25,974 orang pada tahun 2024 kepada kira-kira 31,747 orang pada tahun 2025.

Sehingga April 2026, NBD telah menerima 12,633 orang pelawat dari Republik Indonesia, sekali gus menunjukkan pertumbuhan berterusan daripada pasaran sumber utama tersebut.

Dengan sokongan kerjasama strategik serta pelaksanaan kempen Tahun Melawat Brunei 2027, NBD berada pada kedudukan yang kukuh untuk terus memperluaskan kehadirannya dalam landskap pelancongan serantau dan global.

PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KAMPUNG SETIA 'A', SETIA 'B', SUNGAI KEBUN



HADIR pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas). Sementara gambar atas kanan, sekitar majlis berkenaan.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Julai. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Zon 3, iaitu bagi Kampung Setia 'A', Kampung Setia 'B', dan Kampung Sungai Kebun, telah diadakan pagi tadi bertempat di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia, di sini.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Ketua Kampung tersebut dilaksanakan dengan

menggunakan kertas undi (*ballot papers*) bermula pukul 8.45 pagi dan berakhir pada 11.45 pagi, manakala pengundian secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK bagi calon yang dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan juga ditutup pada jam 11.45 pagi.

Calon yang layak dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan Ketua Kampung Zon 3 ialah Awang Muhammad Zulfaris bin Salleh,



berusia 37 tahun, yang telah bermastautin di Kampung Sungai Kebun sejak lahir.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Perguruan Ugama (Kurikulum) dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016, beliau dicadangkan oleh Awang Raimi bin Awang Rasid, disokong oleh Dayang Hajah Siti Aminah binti Haji Ahmad selaku Penyokong Pertama dan Awang Haji Ismail bin Umar selaku Penyokong Kedua.

Hadir semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi Ketua Kampung Zon 3 ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas; serta pegawai kanan wakil Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, penghulu-penghulu mukim, pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan

Pemangku-pemangku Ketua Kampung Zon 1 dan Zon 2 Kampung Ayer, Mukim Lumapas, Mukim Kianggeh, dan Mukim Kilanas, Daerah Brunei dan Muara.

Seramai 276 orang penduduk Kampung Zon 3 yang berdaftar dan layak mengundi telah membuat pengundian. Darpada jumlah tersebut, seramai 106 orang bersetuju dan seramai 170 orang tidak bersetuju, manakala tiada undi rosak dilaporkan.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua-ketua Kampung yang dijalankan pada hari ini akan diadapakan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, untuk proses selanjutnya.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Semai semangat patriotisme, memperkukuhkan perpaduan masyarakat



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ketua Kampung Belimbing hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Ahli MMN, Yang Berhormat Lau How Teck (atas). Majlis tersebut menzahirkan rasa syukur Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda (kanan).

SUNGAI AKAR, Sabtu, 4 Julai. - Bagi menyemarakkan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun, Majlis Perundingan Mukim (MPM) Berakas 'B' dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan dikendalikan / dikelolakan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Akar Kawasan 1 dan Kawasan 2 telah mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Zon 2 yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan.

Majlis berkenaan diadakan

sebagai manifestasi menjunjung kasih, taat setia serta menzahirkan rasa syukur Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda.

Di samping itu, penganjurannya bertujuan untuk menyemai semangat patriotisme, memperkukuhkan perpaduan masyarakat serta memupuk kecintaan terhadap agama, raja dan negara dalam kalangan rakyat dan penduduk di Kawasan Zon 2 Mukim Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua



Kampung Belimbing.

Turut hadir, Ahli MMN, Yang Berhormat Lau How Teck, Penghulu Mukim Berakas 'B', Penghulu Mukim Berakas 'A', ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung Zon 2, agensi-agensi kerajaan, Ahli-ahli MPM dan MPK, pengetua-pengetua sekolah, guru-guru, kakitangan sekolah dan wakil-wakil sekolah sekitar Kampung Sungai Akar serta para penuntut dan penduduk kampung seramai kira-kira 1,000 orang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang di pimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Tsuufiy bin Haji Abd. Wahab diikuti dengan penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam kepada tetamu kehormat sebelum diserahkan kepada Ketua

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar Kawasan 2

Kampung Sungai Akar Kawasan 1, Awang Haji Zailani bin Haji Abdul Malik dan Ketua Kampung Sungai Akar Kawasan 2, Awang Haji Muhammad Wafil Wafee bin Haji Ramlee untuk diserahkan kepada penuntut bagi menyempurnakan Upacara Menaikkan Bendera yang diiringi dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Pelihaaran Sultan'.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Penganjuran Upacara Menaikkan Bendera ini mencerminkan komitmen berterusan MPK dalam menyokong agenda kenegaraan melalui

penglibatan aktif masyarakat setempat serta institusi pendidikan.

Penglibatan pelbagai lapisan masyarakat dalam majlis ini bukan sahaja menyemarakkan lagi Sambutan Hari Keputeraan, malah mengukuhkan semangat kebersamaan, perpaduan dan keharmonian yang menjadi tunjang kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

MPM Berakas 'B' merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua agensi, institusi pendidikan, ahli jawatankuasa serta seluruh masyarakat yang telah memberikan kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan majlis ini.

سردار سري

عملن-عملن يڠ منجادي جالن كشرك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

سلارس دغن سيدا رسول الله ﷺ، درقد جابر بن عبدالله رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، سسوغكوهن رسول الله ﷺ برسيدا يڠ برمقصود: سياقا يڠ ممينا مسجد كران مڠهارفكن كريضان الله ﷻ، مك الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اكن ممينا اوتوقن رومه ددالم شرك. {حديث رواية ابن ماجه}

الحمدلله، مڠهولوركن سوميغن باكي قمبينان مسجد ساشله موده دنكارا كيت قد ماس اين. ليه-ليه لايكي قد كتيك اين فرخدمن SMS تابوڠ دانا قمبينان مسجد نكارا بروني دارالسلام ديوك برمولا ۸ أبريل ۲۰۲۶ يڠ لالو هيفك ۳۱ ديسيمبر ۲۰۲۶. اينيسياتيف كراجان اين ممبوكا قلوڠ باكي اومت اسلام برانفاق، دغن نية إخلاص، مڠيكوت كممقوان ماسيغ-ماسيغ. دغن حاصل كوتيقن اكن دفركوناكن سقنوهن اوتوق قمبينان دان فمليهاران باغون-باغونن مسجد لايين. سموك ستياف سوميغن إخلاص كيت ايت دترعا دان دبركتي اوليه الله ﷻ.

جماعه يڠ درحمي الله، ماسيه بايق لايكي عملن لايين يڠ دانجوركن دالم القرآن دان حديث-حديث رسول الله ﷺ يڠ صحيح سباكاي جالن منوجو شرك الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. كسموا عملن يڠ بايك اقبلا دلاكوكن دغن إيمان، إخلاص دان منوروت سباكاي يڠ دأجركن اوليه رسول الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، اداله منجادي اسباب كيت منداقت رحمة الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان منوجو شركن.

اوليه ايت، سلاكي كيت ماسيه دبيري قلوڠ برنفس، دفنجهكن اوسيا، دكورنياكن كصيحتن سرتا دلاطفكن ماس، ماريله، ماريله كيت برسوغكه-سوغكه برأوسها مڠربايكي كطاعتن، منيغكنكن عمل عبادة دان مليفتكنداكن عملن برانفاق سرتا برصدقه كجالن الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. جاديكن ستياف كسمفتن سباكاي ميدن اوتوق منجاري كريضان الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان مڠمقون بكنل منوجو شرك يڠ دجنجيكن. جاشله كيت تركولوڠ دالم كالغن اورغ يڠ لالاي سڠيڠ روكي دان ميسل دهاري آخيره كلتي.

آخيرن، كيت سام-سام مناده تاغن بردعاء كحضرة الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اكر كيت دان سلوروه أهل كلوارك دكورنياكن إيمان يڠ تكوه، كتقوان يڠ برتروسن دان عملن صالح يڠ دترعا. سموك كيت دليدوغي درقد عذاب نراك دان سزوسن دهيمقونكن دالم كالغن أهل شرك فردوس. آمين يارب العالمين.

سسوغكوهن اورغ-اورغ يڠ برلمان دان مڠرجاكن عملن-عملن صالح، مريك ايت اداله سبايك-بايك مخلوق. كتجارن مريك ديسي توهن ايله شرك-شرك عذن يڠ مڠالي دباوهن سوغاي-سوغاي، مريك ككل ددالمن سلاما-لامان. الله رضاء ترهادف مريك دان مريك قولا رضاء ترهادفن. يڠ دمكين ايت ايله (كتجارن) باكي اورغ يڠ تاكوت كفت توهن.

{ سورة البينة آية ۷-۸ }

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَاتِلْ مِنَّا تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ الْتَائِبِينَ.

فرتام: ستياف مڠربايكن دعاء كفت الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اكر كيت تركولوڠ دالم كالغن فمقوني شرك. رسول الله ﷺ سنديري مميمبيغ اومتن سوقي تيدق سقدر مميتا شرك، بهكن موهون شرك يڠ فالينغ تيغكي درجتن، يايث شرك فردوس. درقد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا يڠ برمقصود: مك جك كامو موهون كفت الله، موهونله شرك فردوس، كران اي اداله شرك يڠ فالينغ تيغكي دان فالينغ اوتام؛ دانسن تردافت عرش الرحمن، دان درقدن مڠالي سوغاي-سوغاي شرك. {حديث رواية إمام بخاري}

مك ددالم بردعاء، هندقله كيت موهون شرك دغن قنوه هارفن كفت رحمة الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان دالم ماس يڠ سام برليندوڠ درقد عذاب نراك، عذاب قبور، شؤء الحائمة دان كلمهن إيمان.

كلوا: مباح آية كوسي سلفس منويكن ممبيغ فرض. إن شاء الله، عملن كونسيستن اين منجادي ساله ساتو سبب يڠ مندكنك سساورغ كفت رحمة دان كامقونن الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سرتا ممبوكا جالن منوجو شركن. درقد أبو أمانة الباهلي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، بهاوا نبي ﷺ برسيدا يڠ برمقصود: بارغ سياقا يڠ مباح آية كوسي ستياف سلفس كالي ممبيغ فرض، تيدق اكن ترهالغ باكين اوتوق ماسوفي شرك ملاينكن ماتي. {حديث رواية النسائي}

كليهن مباح آية كوسي اين هندقله دفهمي برسام دغن تونتوتن منجاك ممبيغ، ممليهارا إيمان، منجاوهي معصية دان برتوبة كفت الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. اي اداله عملن بسر يڠ كليهنن منجادي سبب منوجو شرك دغن إذن سرتا رحمة الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

كيت: ستياف ممباسهي ليه دغن مڠمعلكن ذكرك دالم كهيدوقن سهارين، ائارا ذكرك يڠ دأجركن اوليه رسول الله ﷺ دان بكيندا منجامين اورغ يڠ مباح ذكرك اين اكن ماسوق كدالم شرك. درقد أبو سعيد الخدري رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، بهاوا نبي ﷺ برسيدا: بارغ سياقا مڠاوجفكن: زحيت بالله رثا، وبالإسلام ديننا، وبخدي رسولنا، وبجنت له الجنة. مقصودن: اكو رضاء الله سباكاي توهنكو، إسلام سباكاي اكامكو، دان نبي محمد سباكاي رسولكو مك دجنجيكن باكين شرك. {حديث رواية أبو داود}

كامقت: مقحظ دان مهمي معنى أشاء الحسن يڠ اينده. عملن اين مناوركن كليهن بسر اوتوق منداقت كريضان دان شرك الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. درقد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، بهاوا رسول الله ﷺ برسيدا: إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةَ وَسْعِينَ اسْمًا، مائة إِلَّا وَاحِدًا، مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ. مقصودن: سسوغكوهن باكي الله سميلن فولوه سميلن نام، سراتوس كجوالي ساتو، بارغ سياقا يڠ مقحظ دان مهمين اكن ماسوق شرك. {حديث رواية إمام بخاري}

مقصود مقحظ دان مهمي أسماء الحسن بوكن سقدر مبيوت نام-نام الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دليده، تناقي مڠحياتي معنان، بردعاء دغن دان برأوسها منظاهركن كسن كلمان كفت نام-نام الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت دالم أخلاق دان عملن سهارين.

كليما: ممينا مسجد دغن إخلاص كران الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. سسوغكوهن اورغ-اورغ يڠ مڠهولوركن سوميغن اوتوق ممينا مسجد ائارا ترليت دالم قمبينان رومه الله اين، نسجاي الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اكن منديريكن رومه اوتوقن دشر. فركارا اين

جماعه يڠ درحمي الله، برتقوي له كيت كحضرة الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيغكنكن كلمان كفلدن. سسوغكوهن اورغ يڠ فالينغ مليا ديسي الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يڠ فالينغ برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يڠ ستياف مڠايغي الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيره.

الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة البقرة آية ۸۲:

دان اورغ-اورغ يڠ برلمان سرتا مڠرجاكن عملن-عملن صالح مريكه أهل شرك، مريك ككل ددالمن.

آية اين سودارا-سودارا مڠايغكن كيت بهاوا إيمان دان عمل صالح اداله جالن منوجو كريضان دان شرك الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. اوليه ايت، ستياف عملن هندقله دلاكوكن دغن إخلاص دسرتاي فمهارفن كفت رحمة الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، كران شرك ايت اداله كورنيا الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى كفت همبا-همبا يڠ برلمان دان برعمل صالح.

جماعه يڠ درحمي الله، شرك اداله تمقت يڠ قنوه دغن سكل ماجم نعمت كلبندن دان كسغن يڠ منجادي دمبان ستياف انسان. ائادي مانسي دبيري قيليهن ائارا شرك دان نراك، نسجاي تيا ساورغ فون يڠ سغكوف مميله نراك، ستياف مانسي فستي مندماكن كسلامتن دان كپهاكيا يڠ آبادي دشر.

نامون فرلو دسدري، شرك بوكتله تمقت يڠ بوليه دماسوفي هان دغن أغن-أغن ائاو هارفن كسوغ. اي اداله كديامن يڠ الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سدياكن خصوص اوتوق همبا-همبان يڠ بر-برلمان، يڠ ممبوكتيكن كلمان ايت دغن عمل صالح دان طاعة كفت فريته الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. حقيقت اين دجلكن سنديري اوليه رسول الله ﷺ دالم حديث بكيندا. درقد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا: قَالَ اللَّهُ: أَعَدَدْتُ لِعِبَادِي الصَّالِحِينَ مَا لَا عَيْنٌ رَأَتْ، وَلَا أُذُنٌ سَمِعَتْ، وَلَا خَطَرَ عَلَى قَلْبِ بَشَرٍ، فَأَقْرَأُوا إِنَّ شَيْئَكُمْ {فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَا أُخْفِيَ لَهُمْ مِنْ قُرَّةِ أَعْيُنٍ}. مقصودن: الله برفرمان: اكر تله ميدياكن اوتوق همبا-همبا كو يڠ صالح اف يڠ مات تيدق قرنه مليهن، يڠ تليغا تيدق قرنه مندقرن دان تيدق قرنه ترليتسن دالم هاتي مانسي. جك كامو ماهو باجله آية: تيا سسايقا يڠ تاهو اف يڠ دسمويكن اوتوق مريك درقد فبحوق مات (سورة السجدة آية ۱۷) {حديث قدسي رواية إمام بخاري}

حديث قدسي اين منوجوكن بتاف بسر نعمت شرك يڠ الله سدياكن. اوليه ايت، جاشله كيت هان برأغن-أغن اوتوق مندافتكن شرك، تناقي هندقله برأوسها دغن عملن يڠ إخلاص، منجاك كواجين دان منيغلكن لارغن الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

جماعه يڠ درحمي الله، رسول الله ﷺ دالم حديث-حديث بكيندا تله منوجوكن كفت اومتن قلياكاي جالن دان عملن يڠ بوليه دلاكوكن سباكاي بكنل منوجو كشرك الله ﷻ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. ائارا عملن-عملن يڠ دانجوركن دالم حديث-حديث رسول الله ﷺ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايله:

NUR AMALISSA JUARA BEST914 KE-22



SALAMBIGAR, Sabtu, 4 Julai. - Dayang Nur Amalissa binti Omar diumumkan sebagai juara Best914 Ke-22 pada pertandingan akhir yang berlangsung OneCity Shopping Centre, Salambigar, malam tadi.

Dalam masa yang sama, Dayang Nur Amalissa juga dipilih sebagai Persembahan Terbaik, sekali gus dinobatkan sebagai Star Best914.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad, Tangkap Layar RTBGo

para pemenang dan peserta ialah Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Cheong Chee Keong.

Selaku juara, Dayang Nur Amalissa membawa pulang hadiah wang tunai BND1,000, trofi, sijil, baucar penginapan dua hari satu malam yang disumbangkan oleh The Rizqun International Hotel, satu rakaman lagu baharu dan muzik video sumbangan Pelangi FM. Beliau juga menerima trofi, sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak BND350 bagi hadiah Persembahan Terbaik.

Sementara itu, tempat kedua disandang oleh Nur Anis Amirah binti Jeffreys dengan membawa pulang wang tunai BND800, trofi, sijil dan baucar penginapan dua hari satu malam di The Rizqun International Hotel manakala tempat ketiga dimenangi oleh

Noor Athirah binti Abas dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND600, trofi, sijil dan baucar penginapan dua hari satu malam di The Rizqun International Hotel.

Seramai 12 finalis telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir terdiri daripada para pemenang segmen vokal, juara bulanan di sepanjang tahun 2025. Penganjuran Best914 Ke-22 ini dijayakan oleh KFC Brunei, I-Lotus Restaurant dan disokong oleh OneCity Event and Marketing dan The Rizqun International Hotel. Turut membuat persembahan di rancangan ini ialah artis-artis undangan iaitu Syahmina dan Kumpulan Jingga.

Best914 mula diperkenalkan pada tahun 2002. Pertandingan ini adalah susulan menerusi segmen nyanyian iaitu Vokal



PEMANGKU Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Cheong Chee Keong hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada Dayang Nur Amalissa binti Omar (atas dan atas kiri).

yang disiarkan setiap Rabu, ini kemudiannya bersaing semula di pentas Best914 sebagai finalis.

Hayati, teladani peristiwa hijrah Rasulullah



PEMANGKU Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 yang diselenggarakan dengan Doa Kesyukuran sempena menyambut kepulangan jemaah haji dalam kalangan para muallaf.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Ahad, 5 Julai. - Bahagian Pengembangan Da'wah (Da'wah Khas), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI), Daerah Brunei dan Muara, mengendalikan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Hijrah yang diselenggarakan dengan Doa Kesyukuran sempena menyambut kepulangan jemaah haji dalam kalangan para muallaf.

Majlis diadakan di Dewan Persidangan, PDI, Kampung Pulaie, di sini, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir, ahli-ahli PNI,

baharu, serta pegawai dan kakitangan PDI.

Penganjuran sambutan tersebut diharap dapat memberi peluang kepada saudara-saudari muallaf untuk menghayati peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam, bukan sahaja dari sudut perpindahan tempat secara zahir atau fizikal, bahkan daripada perspektif yang lebih luas sebagai satu transformasi ke arah perubahan diri, peningkatan keimanan serta ketakwaan kepada Allah



SUASANA pada majlis berkenaan yang diadakan di Dewan Persidangan, PDI, Kampung Pulaie (kanan dan kanan sekali).

Subhanahu Wata'ala.

Peristiwa hijrah juga mengandungi pelbagai pengajaran dan hikmah yang wajar dijadikan iktibar dalam kehidupan seharian.

Selain itu, Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448H turut menjadi wadah kepada setiap muallaf untuk merenung kembali perjalanan hidup serta melakukan muhasabah diri.

Antara penghayatan yang dapat diterapkan melalui sambutan berkenaan ialah memperbanyakkan amal ibadah dan menjauhi perbuatan dosa; mengeratkan silaturahim sesama umat Islam, memperbaharui azam dalam mempelajari serta mengamalkan ajaran Islam, di samping memperbaiki adab dan akhlak berlandaskan syariat Islam.

Adalah diharapkan agar saudara - saudari muallaf sama-sama menghayati sambutan ini dengan penghayatan yang mendalam, mentajdid niat serta membulatkan usaha dan tekad untuk terus memperbaiki diri dan meningkatkan amalan dalam kehidupan seharian berteraskan semangat Hijrah.

Semoga usaha murni ini akan dapat melahirkan umat yang berkualiti, beriman dan bertakwa, di samping memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.



PEMENANG PERINGKAT AKHIR PERTANDINGAN KOIR DIRAIKAN



SEKOLAH Rendah Awang Haji Mohamad Yusof, Katimahar muncul sebagai johan pada Peringkat Akhir Pertandingan Koir bagi Sekolah-sekolah Rendah sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pendedaran Dadah Haram 2026. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh tetamu khas iaitu Pemangku Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Pengiran Saiful Rizal bin Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Omar.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

KIARONG, Sabtu, 4 Julai. - Sekolah Rendah Awang Haji Mohamad Yusof, Katimahar muncul sebagai johan pada Peringkat Akhir Pertandingan Koir bagi Sekolah-sekolah Rendah sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pendedaran Dadah Haram 2026 menerusi persembahan lagu bertajuk 'Dengarlah'.

Tempat kedua pula disandang oleh Sekolah Rendah Tunku menerusi persembahan lagu bertajuk 'Ya Hannan' dan Sekolah Rendah Rimba 3 pula mendapat tempat ketiga dengan judul lagu 'Adang Tah'.

Hadir selaku tetamu khas seterusnya menyampaikan hadiah kepada para peserta ialah Pemangku Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Pengiran Saiful Rizal bin Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Omar.

Turut hadir, Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad serta pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua agensi, guru-guru pembimbing dan tetamu jemputan.

Sebanyak lima buah sekolah rendah dari seluruh negara telah berentap pada Peringkat Akhir Pertandingan Koir Lagu Anti Dadah Peringkat Sekolah Rendah yang berlangsung di Dewan Teater, Divisyen Pendidikan Pencegahan Dadah (DPPD), BKN, Jabatan Perdana

Menteri (JPM), Kiarong, hari ini.

Pertandingan yang dianjurkan oleh BKN melalui Divisyen Pendidikan Pencegahan Dadah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan itu merupakan salah satu pengisian sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pendedaran Dadah Haram 2026, yang bertujuan memperkukuhkan usaha pendidikan pencegahan dadah dalam kalangan murid sekolah rendah melalui pendekatan seni muzik.

Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan di mana 20 buah sekolah rendah daripada keempat-empat daerah menyertai peringkat saringan dengan menghantar rakaman video persembahan koir masing-masing.

Rakaman tersebut telah dinilai oleh panel hakim yang terdiri daripada wakil BKN, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Radio Televisyen Brunei (RTB) berdasarkan kriteria teknik vokal dan keharmonian suara, penghayatan mesej anti dadah, kreativiti persembahan serta disiplin dan persembahan keseluruhan. Hasil daripada proses penilaian tersebut, lima buah sekolah berjaya dipilih untuk mara ke peringkat akhir.

Pada pertandingan akhir tersebut, setiap pasukan telah mempersembahkan lagu anti dadah yang menampilkan kreativiti, keharmonian vokal serta penghayatan terhadap

mesej pencegahan dadah.

Persembahan yang dipamerkan bukan sahaja menyerlahkan bakat murid-murid dalam bidang seni persembahan malah membuktikan bahawa medium muzik mampu menjadi saluran yang berkesan dalam menyampaikan mesej kesedaran kepada generasi muda.

Para pemenang menerima hadiah berupa wang tunai, piala dan sijil penghargaan. Johan membawa pulang wang tunai BND800, tempat kedua sebanyak BND600, tempat ketiga pula sebanyak BND500 manakala dua pasukan lain menerima hadiah sagu hati sebanyak BND300.

Pertandingan ini merupakan antara inisiatif berterusan BKN dalam memperkasakan pendidikan pencegahan dadah di peringkat sekolah dengan menerapkan mesej 'Katakan 'NDA!' Pada Dadah' melalui pendekatan yang kreatif, inklusif dan bersesuaian dengan perkembangan generasi muda.

Di samping mencungkil bakat dalam bidang seni, pertandingan ini turut memupuk nilai kerjasama, disiplin, keyakinan diri dan semangat kepimpinan dalam kalangan murid.

Melalui kerjasama strategik bersama Kementerian Pendidikan, BKN berharap program seumpama ini akan terus memperkukuhkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya penyalahgunaan dadah serta menyokong usaha negara dalam melahirkan generasi yang berpengetahuan, berdaya tahan dan bebas daripada ancaman dadah.

Tanam nilai empati, persahabatan positif melalui Program Kesedaran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PROGRAM berkenaan telah mengambil tempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) dan dihadiri oleh Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat selaku tetamu kehormat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Julai. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) telah menganjurkan Program Kesedaran Anti-Buli bertemakan 'Be A Friend, Not A Bully' (Jadilah Rakan, Bukan Pembuli) berlangsung selama dua hari ini bermula hari ini dan akan diteruskan pada Isnin, 6 Julai 2026.

Program yang diadakan di Dewan Serbaguna, SR YSHHB dihadiri oleh Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat selaku tetamu kehormat dan program itu menyasarkan penglibatan penuh daripada murid-murid Tahun 5 dan Tahun 6 sekolah berkenaan.

Penyampaian taklimat yang berkaitan dengan kesedaran buli disampaikan oleh Dayang Hajah Norajleen Uminatul Haifzan binti Haji Alimas dari CureHeart.

Bagi menyemarakkan lagi pengisian program, pihak sekolah turut menjemput agensi luar yang berpengalaman iaitu Girl Up BruGen (sebuah pertubuhan di bawah Majlis Belia Brunei) dan pihak CureHeart.

Objektif utama program antara lain bagi meningkatkan kesedaran dan membantu murid-murid sekolah rendah memahami pengertian buli dan kesan buruknya, di samping mengenali pelbagai bentuk buli serta kepentingan mengamalkan sifat baik hati, hormat-menghormati dan empati dalam interaksi harian.

Selain itu, program diharap dapat memupuk persahabatan positif dengan menggalakkan sokongan rakan sebaya yang sihat, memperkasakan murid untuk menjadi rakan yang baik, menentang perbuatan buli dengan cara yang selamat, serta berani mendapatkan bantuan daripada guru atau orang dewasa yang dipercayai sekiranya perlu.

Secara keseluruhannya, program 'Be a Friend, Not a Bully' merupakan satu inisiatif kolaboratif yang sangat tepat pada masanya dan bermakna antara SR YSHHB, GirlUp BruGen dan CureHeart ke arah persekitaran yang selamat. Kerjasama tersebut membuktikan komitmen berterusan pihak sekolah dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat, saling menghormati dan inklusif.

Melalui pelbagai aktiviti praktikal secara langsung (*hands-on*), permainan Amazing Race yang menerapkan nilai murni, serta ceramah motivasi daripada Dayang Hajah Norajleen Uminatul Haifzan, para murid dilengkapi dengan kemahiran praktikal untuk membina persahabatan yang positif dan memperkukuh sokongan sesama rakan sebaya.

Dengan adanya perkongsian bersama Girl Up BruGen dan Syarikat CureHeart, program berkenaan diharap dapat memberikan impak yang berkekalan dalam mengukuhkan sifat empati, tanggungjawab dan budaya yang baik dalam kalangan murid.



PROGRAM Kesedaran Anti-Buli anjuran SR YSHHB yang diadakan di dewan sekolah berkenaan memuatkan aktiviti seperti permainan Amazing Race dan ceramah motivasi.

Pemakluman mengenai kes penipuan 'scam' melalui telefon

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Julai. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) ingin memaklumkan orang ramai mengenai kes penipuan *scam* melalui talian telefon, melibatkan individu-individu yang menyamar sebagai pegawai-pegawai dari BMR.

BMR telah menerima beberapa aduan dari orang awam yang telah dihubungi oleh individu-individu yang menyamar sebagai Pegawai BMR dan memaklumkan mangsa bahawa akaun bank mereka telah ditandakan (*flagged*) kerana disyaki terlibat dalam aktiviti

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

jenayah.

Individu-individu tersebut seterusnya meminta maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan dan nombor akaun bank. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat perbankan atau kewangan melalui telefon. Nombor-nombor talian rasmi BMR adalah tertera di laman sesawang rasmi iaitu www.acb.gov.bn dan adalah digunakan untuk menghubungi orang awam, jika ada panggilan yang diterima selain

daripada nombor-nombor yang tertera tersebut dan ada individu yang mengaku dirinya sebagai Pegawai BMR, maka orang awam adalah dinasihatkan untuk melaporkan perkara tersebut kepada Talian Bantuan Anti-Penipuan Pasukan Polis Diraja Brunei menerusi talian 16993.

Sekiranya maklumat kewangan atau perbankan telah didedahkan, orang ramai hendaklah segera menghubungi institusi kewangan masing-masing.



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Pemberitahuan
Sebut Harga**

Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang pada Khamis,
6 Ogos 2026.**

**Borang Sebut Harga:
BND7.00**

JPt / SH / 41 / 2026-2027



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0022 / 2026
Supply And Delivery Of PCR
Reagents For Quantification Of
Aquatic Diseases

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0023 / 2026
Supply And Delivery Of Primer For
PCR Diagnostic Test

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0024 / 2026
To Provide Technical Service And
Repair Of ESCO Fume Hood
Model EFD-4B1, SN:2012-67522
For Aquatic Animal Health And
Laboratory Services Centre In
Accordance To Manufacturing
Specification

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0025 / 2026
To Provide Technical Service To
Troubleshoot And Repair Of
Uninterruptible Power Supply
(UPS) ProLink, Model PRO806-QL,
S/N 575801221700102 For
Aquatic Animal Health And
Laboratory Services Centre In
Accordance To Manufacturing
Specification

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0026 / 2026
To Supply And Deliver Water
Quality Monitoring Device And
Accessories

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 23 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



To Perform Quarterly Calibration
Of Hot Air Oven In The Scope Of
ISO/IEC 17025 Accreditation At
Veterinary Laboratory Services

JPt / SH / 42 / 2026-2027
To Supply and Deliver Media And
Kits For Bacterial Identification For
Determination Of Animal Diseases

JPt / SH / 43 / 2026-2027
Membekal, Menghantar,
Memasang Dan Menguji
Biosafety Cabinet Untuk
Makmal Mikrobiologi

JPt / SH / 44 / 2026-2027
Coordination Of Routine
Maintenance And Restorative
Works For Equipments In
Veterinary Laboratory Services

JPt / SH / 45 / 2026-2027
Preventive Maintenance
For CCTV, Access Control
And Network Hardware
Equipment System At
Veterinary Laboratory Building,
KKP Terunjing For
One (1) Year Period

JPt / SH / 46 / 2026-2027
Replacement Of Damaged
Existing Culverts At KKP Bebuloh

JPt / SH / 47 / 2026-2027
Supply And Delivery Of Custom
Minimum Inhibitory Concentration
Plates And Supplementary
Consumables For AMR
Surveillance



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2026-2027 / 13 /
ADMIN / 02

Tajuk Sebut Harga:
Insuran Berkelompok
Perlindungan Diri Bagi Seramai
318 Orang Pegawai Dan
Kakitangan Jabatan
Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Rabu, 8 Julai 2026,
Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

JPt / TAW / 05 / 2026-2027:
Pemeliharaan Saliran Ladang
Bagi Kawasan Kemajuan
Pertanian Di Daerah Tutong Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND30.00

Borang Tawaran:
BND15.00

**Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang,
Selasa, 11 Ogos 2026.**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
10 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
30 Jun 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 26 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap
Semula Jalan Utama

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:**
18 / JULY / 2026 / KKBS /
PJK / 16.138
External Painting And
Structural Repair Works At Block
B18 Anggerek Desa Flats,
Ministry Of Culture,
Youth And Sports,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
23 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 59 / 26 - 27
Supply and Installation of
Replacement Tyre for Outside
Broadcast Van Heavy Vehicles
BG9989 (OB2), BG5174 (OB3)
and BG5055 (OB4)

Bayaran Yuran:
BND5.00
(bagi satu tajuk dan tidak
dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(jika perlu bagi satu tajuk dan
tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
8 Julai 2026,
jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek :**
17 / BBS / SH / 2026-2027
Supply And Installation Of
Decorative LED Tube Lights
For Jalan Pretty, Kuala Belait

**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek :**
18 / BBS / SH / 2026-2027
Supply And Installation Of
Decorative LED Tube Lights
For Jalan Sultan Omar Ali
Saifuddien, Setia

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
16 / JULY / 2026 / KKBS / PJK /
16.91
Three (3) Years Maintenance For
Fire Extinguisher At
1) Ministry Of Culture, Youth And
Sports Building And Store;
2) Pusat Pembangunan Belia
Tanah Jambu;
3) Blok B18, Flat Kerajaan
Anggerek Desa;
4) Outward Bound Brunei
Darussalam Main Office
Jalan Kebangsaan;
5) Program Khidmat Bakti Negara
Training Camp Building; And
6) Outward Bound Brunei
Darussalam Batang Duri Camp

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
23 Julai 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
15 / BBS / SH / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
One - Off Comprehensive
Cleaning And Desilting
Of Sewerage Manhole,
Grease Traps, Gully Traps And
Sewer Pipelines At Municipal
Food Premises In
Kuala Belait And Seria

Kategori:
Ka04 - Cleaning And
Desludging Of Sewerline,
Septic Tanks, Pumping Stations
And Treatment Works

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup:
Tidak lewat
Selasa,
14 Julai 2026
jam 2.00 petang.



**JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
(Kelas I & II Sahaja)**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga
/ Tawaran:**

JMM / Q&T / JKSH / 2026 / 02
Ceramic Roof Tile Cleaning To
Bangunan Dewan Majlis
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Brunei Darussalam.

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga
/ Tawaran:**

JMM / Q&T / JKSH / 2026 / 03
Upgrading Work To Existing Royal
Dais Dome At Bangunan Dewan
Majlis, Jabatan Majlis-Majlis
Mesyuarat, Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
Percuma

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
8 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
14 Julai 2026



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN,
EKONOMI DAN INDUSTRI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / LTK / 2026-2027 / 08
Brunei Coffee Trail 2026 In
Kota Kinabalu, 4th – 6th
September 2026 At
Sabah International Expo

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
TERMINAL / 2026-2027 / SH-05
Supply And Delivery Of Parts And
Reconfiguration Works Of Public
Announcement (PA) System At
Brunei International Airport

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Sabtu,
26 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
7 Julai 2026

Tarikh tutup Sebut Harga:
Rabu,
8 Julai 2026
(tidak lewat jam 2.00 petang)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu
Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II, III, IV atau V

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
Isnin
6 Julai 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa
28 Julai 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
4 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil,
di Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian
Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama**

**Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

**JASTRE / BL / T010 / 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan
Penyelenggaraan Luaran
Bagi Perumahan
VIP Istana Edinburgh,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun.**

No. Projek:
JASTRE / BL / T010 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
09 / JPB / SH / 2026
To Supply, Install And
Commissioning Of The Smart
Weapon Storage (SWS) For
Jabatan Penjara

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
10 / JPB / SH / 2026
Repair And Upgrading
Works To Offices At
Jerudong Barrack Block E
And New Garbage House

Yuran Tawaran:
BND50.00

**Tarikh Tutup
Dan Waktu:**
Selasa,
4 Ogos 2026
(Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang)



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Tawaran:
MFA / ICC / 02 / 2026-27

Tajuk Tawaran:
Term Contract Repair
Works For International
Convention Centre,
Berakas,
Ministry Of Foreign Affairs,
Negara Brunei Darussalam
For A Period Of
Thirty-Six (36) Months
- FSOR

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 01

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Dokumen-Dokumen
Bagi Keperluan
Banci Tahunan
Perusahaan
(BTP) 2026

Tarikh Tutup:
Sabtu,
4 Julai 2026,
Jam 9.00 Pagi



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Sebut Harga / Tawaran
Bagi Perbekalan
Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
6 / 2026-2027

Supply And Delivery Of
28 Units Of Fabric-Typed Chair
With Twin Wheel Castor For
Pejabat Tanah Daerah Tutong,
Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan

Tarikh Tutup:
Selasa
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Sebut Harga:
(60) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:

To Supply And Deliver Spare Parts For Portable Suction Machine, Brand: MG Electric For Department Of Dental Services. Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(61) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:

To Supply And Deliver Of Consumables Items For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage – 16 Items (Non-Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(62) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:

To Supply And Deliver Of Lockers And Cabinets For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Non-Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(63) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:

To Supply And Deliver Lower Segment Cesarean Section (LSCS SET) For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(64) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:

To Supply And Deliver Dilation And Curettage (D&C) Set Instrument For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(65) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:

To Supply And Deliver Perineal Tear Repair Set For Maternity



Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(05) PPN / QTN / 2026 (SDS)

Keterangan:

The Provision Of Packed Food For National Oral Health Survey 2027-2028, Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of 6 Months

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1626) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:

Supply And Delivery Of Giraffe Omnibed And Giraffe Incubator Spare Parts For Brand: GE Healthcare For Biomedical Engineering Section, RIPAS Hospital

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1686) / 2026 / HTD (B8)

Keterangan:

One Off Preventive Maintenance Services For Two (2) Units Of Anesthesia Machine Complete With Patient Monitor, Brand: Mindray At Operating Theatre RIPAS Hospital

Bilangan Sebut Harga:
DSS / HS / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 012 (ENV)

Keterangan:

To Supply And Deliver Calibrated Grade A Volumetric Flasks And Separating Funnel For Environment Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
DSS / AQ / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 018 (QC)

Keterangan:

To Supply And Deliver Certified Reference Material For Volatile Organic Compound (VOC) Analysis For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
JPKAS / IKLAN / 26 – 27 / 01

Keterangan:

To Supply And Deliver Malaria Rapid Diagnostic Test (RDT) Kits

For Health Screening Centre, Department Of Environmental Health Services

Bilangan Sebut Harga:
JPKAS / IKLAN / 26 – 27 / 02

Keterangan:

Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Eleven (11) Units Of Digital Blood Pressure Set For Occupational Health Division, Department Of Environmental Health Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
DSS / AQ / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 021 (ADM)

Keterangan:

To Supply, Deliver And Install Meeting Tables And Chairs For Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
13 / QTN / JPK / 2026

Keterangan:

Supply And Delivery Of Ten (10) Patient Examination Couch With Foot Step And Disposable Sheet Holder For Jubli Perak Sengkurong Health Centre, New Block Extension Under Department Of Health Services

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1687) / 2026 / HTD (B9)

Keterangan:

To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Three (3) Units Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME20068 (S/N: FB14L0140) At Block B, Room 9 National Dental Centre, BME1627 (S/N: FB14F0155) At Block A Room 4, National Dental Centre And BME1663 (S/N: FB14F0167) At Room A1 Block A, National Dental Centre For Department Of Dental

Bilangan Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 012 (FOR)

Keterangan:

To Supply And Deliver Pipette Tips For Forensic Biology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(66) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:

To Supply And Deliver Medical Equipment And Accessories Set For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(67) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:

To Supply And Deliver Retraction Set For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(68) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

Keterangan:

To Supply And Deliver Vaginal Hysterectomy Set For Maternity Operating Theatre (MOT), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(69) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)

Keterangan:

Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Four (4) Units Of Pharmaceutical Refrigerator For Pharmacy Section

Bilangan Sebut Harga:
(10) JPR / QTN / 2026

Keterangan:

Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning, One Hundred Sixty-Nine (169) Units Of Cardiac / Overbed Table For Department Of Renal Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(11) JPR / QTN / 2026

Keterangan:

Supply, Replace And Install With New Air-Conditioning And New Air Curtain, Kiarong Dialysis Centre

Bilangan Sebut Harga:
(15) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / CARDIO

Keterangan:

Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Echocardiography Examination Couch For Cardiology Department, RIPAS Hospital

Bilangan Sebut Harga:
(70) PSD / QTN / 2026 / ESTET – (RIPASH)

Keterangan:

Repair And Reinstatement Of Spalling Concrete At Outpatient Pharmacy Basement Parking Area, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bilangan Sebut Harga:
DSS / AQ / PROC / B50K / 2026 – 2027 / 025 (DSS-HSE)

Keterangan:

To Supply And Deliver Laboratory Coats For Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(06) PPN / QTN / 2026 (BME)

Keterangan:

Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Four (4) Units Of Endo Activator For Department Of Dental Services

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
11 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027/07

Kerja-Kerja Pengawalan Makhluk Perosak (Pest Control) Blok B Dan C Dan Kawasan Kantin Jabatan Audit, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
14 Julai 2026,
jam 2.00 Petang





MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 284 / 2025

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mohammad Maswandy Bin
Rosli
[BYIC No. 00-302491]
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 23 April 2026.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
Mohammad Maswandy Bin
Rosli
No. 731, Kampong Luagan
Dudok,
Tutong, TB1541
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:
18 Mac 2026

Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut diatas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut diatas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.

Bertarikh:
21 Mei 2026

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 23 April 2026.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-12),
Mahkamah Besar pada 21 Julai
2026 jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi
yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini. Pemeriksaan
awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada 21 Julai 2026 jam
9.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-hal nya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
21 Mei 2026

Hajah Izzatul Faizah Binti
Dr Haji Mohamad
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Pegawai Penerima Resmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 313 / 2023

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Rasidah Bte Hj Mohamad Salleh
BYIC NO. 00-256173
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 28 Mac 2026.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
Rasidah Bte Hj Mohamad Salleh
No. 25A, Simpang 24,
Kampung Petani, Tutong,
TA1341,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
16 Januari 2024

Semua Sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut diatas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut diatas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.

Bertarikh:
23 Mei 2026

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 7 Mei 2026.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),
Mahkamah Besar pada 1 Julai
2026 jam 10.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi
yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini. Pemeriksaan
awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada 1 Julai 2026 jam
10.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah



KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 54 / 2026
1/ Calcium folinate 50mg injection
Qty: 300 vials
2/ Cefoperazone 1gm injection
Qty: 50 x 10's

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 55 / 2026
1/ Tirzepatide 5mg / 0.6ml solution
for injection inclusive of needles
as Mounjaro or its equivalent

menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
23 Mei 2026

Muhammad Syafiq Bin Awang
Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 162 / 2022

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
Pemiutang
Penghakiman/Pemetisyen

Hamni Bin Mohd Edham (JD1)
(BYIC NO. 00-281861)

Zool Addyhamddymee Bin
Mohd Bahmin (JD2)
(BYIC NO. 00-269040)
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang (JD1)
berikut pada 19h Januari 2023
telah dibatalkan pada 9 Mei 2026
dan Penghutang (JD2) berikut
pada 10 Disember 2022 telah
dibatalkan pada 9 Mei 2026.

Nama Penghutang:
Hamni Bin Mohd Edham (JD1)

Alamat Penghutang:
No. 4,
Simpang 1185-73-99,
Kg Perpindahan Bukit Beruang,
Negara Brunei Darussalam.

Nama Penghutang:
Zool Addyhamddymee Bin
Mohd Bahmin (JD2)

Alamat Penghutang:
No. 5, Jalan 2, Simpang 137-7,
Perumahan Lambak Kanan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
13 Mei 2026

Muhd Muzakkir Bin
Awg Haji Zakaria
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Qty: 50 prefilled pen
2/ Tirzepatide 7.5mg / 0.6ml
solution for injection inclusive of
needles as Mounjaro or its
equivalent
Qty: 50 prefilled pen

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 56 / 2026
1/ Tirzepatide 10mg/0.6ml solution
for injection inclusive of needles
as Mounjaro or its equivalent
Qty: 100 prefilled pen
2/ Terlipressin acetate 120mcg/ml
x 8.5 ml injection
Qty: 12 x 5's

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 57 / 2026
1/ Pomalidomide 4mg oral solid
preparation preferably tablet
Qty: 30 x 21's
2/ Famotidine 20mg oral solid
preparation preferably tablet
Qty: 450 x 500's

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 58 / 2026
1/ Clozapine 100mg oral solid
preparation preferably scored
tablet
Qty: 1,500 x 50's
2/ Nimodipine 30mg oral solid
preparation preferably tablet
Qty: 30 x 30's

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 59 / 2026
1/ Permethrin cream 5%
Qty: 600 x 30g
2/ Pregabalin 25mg oral solid
preparation preferably tablet
Qty: 700 x 56's

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 60 / 2026
1/ Imatinib (as Mesilate) 100mg
oral solid preparation preferably
tablet
Qty: 120 x 60's
2/ Liquid Paraffin BP x 100ml
Qty: 2,000 x bot

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 61 / 2026
1/ Coenzyme Q 50mg tablet
Qty: 60 x 30's
2/ Perampanel 2mg oral solid
preparation preferably tablet
Qty: 60 x 28's

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 62 / 2026
1/ Escitalopram 10mg oral solid
preparation preferably scored
tablet
Qty: 450 x 30's
2/ Ketorolac Tromethamine
5mg/ml (0.5%) eye drop
Qty: 3,000 x 5ml

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 63 / 2026
1/ Acetylcysteine 600mg
effervescent tablet
Qty: 60 x 30's
2/ Sulbactam 500mg & Ampicillin
1000mg injection
Qty: 2,500 x 10's

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 64 / 2026
1/ Estradiol 25mcg transdermal
matrix patch (able to be cut)
Qty: 200 x 8's
2/ Ibuprofen 100mg/5ml oral liquid
preparation
Qty: 6,000 x 100ml

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 65 / 2026
1/ Minoxidil Topical Solution 5%
Qty: 80 x 60ml
2/ Hydrocortisone 0.5% ointment
Qty: 1,800 x 15g – 30g

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 66 / 2026
1/ Tenofovir Alafenamide 25mg
oral solid preparation preferably
tablet
Qty: 300 x 30's
2/ Levothyroxine 75mcg oral solid
preparation preferably scored
tablet
Qty: 2,000 x 100's

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:

PPS / QTN / 67 / 2026
1/ Vitamin B1 (Thiamine) 10mg
oral solid preparation preferably
scored tablet
Qty: 60 x 1,000's
2/ Ibuprofen 5mg/ml injection
Qty: 3 x 4's

Bilangan Dan Tajuk Keterangan
Sebut Harga:


PPS / QTN / 68 / 2026
1/ Sulfamethoxazole 400mg in
combination with Trimethoprim
80mg oral solid preparation
preferably scored tablet
Qty: 100 x 1000's

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup
Sebut Harga:

Sabtu
18 Julai 2026,
Jam 2.00 Petang





IMBASAN MINGGUAN



UPACARA Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Daerah Tutong Tahun 2026 berlangsung di Kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong. - Foto : Azmah Haji Ahad.

SEBAHAGIAN Pameran Keusahawanan Alumni Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD) sempena Majlis Sambutan Jubli Intan sempena 60 Tahun Peletakan Batu Asas SA RIPAD. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

AKSI peserta Perlumbaan Basikal Bukit Ambog XCO Funrace 2026 anjuran Majlis Perundingan Mukim Keriam dengan kerjasama Team 430 dan Team 530 Bukit Ambog berlangsung di Kawasan persekitaran Bukit Ambog. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



PARA peserta Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong berpeluang menghadiri taklimat mengenai 'Perkongsian Perjalanan Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs)' yang dikongsikan oleh Helmi Abdullah Fitness (HAF), Kampung Mata-Mata. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA aksi pasukan yang menyertai Kejohanan Futsal sempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal di Negara Brunei Darussalam. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



MINI Karnival Perikanan 2026 yang berlangsung selama empat hari di Kompleks Pendaratan Ikan Muara yang menjadi platform penting dalam mempromosi hasil serta produk perikanan tempatan kepada orang ramai. - Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi.

3 PELAJAR, SEORANG GURU SERTA APTJSO-11



DELEGASI pelajar serta guru pengawas dan mentor yang mewakili Negara Brunei Darussalam pada The 11th ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey bergambar ramai di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum belayar.

■ Berita dan Foto oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Sabtu, 4 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE), Jabatan Pendidikan Khas telah menyelaras penyertaan tiga orang pelajar dan seorang guru dalam The 11th ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey (APTJSO-11).

Program yang dianjurkan oleh The Department of Science and Technology - Philippine Science High School System (DOST-PSHSS), Republik Filipina, dengan kerjasama ASEAN+3 Center for the Gifted in Science

(ACGS) dan disokong oleh ASEAN Secretariat. Program ini akan diadakan pada 5 hingga 11 Julai 2026 bertempat di The QuestPlus Hotel, Clark Freeport Zone, Pampanga, Republik Filipina.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Ketua Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pengiran Omar bin Pengiran Haji Salleh.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dari Pusat EDGE, dan para ibu bapa serta ahli

keluarga pelajar.

Tiga pelajar yang mewakili Negara Brunei Darussalam terdiri daripada pelajar Tahun 9, iaitu Awang Muhammad Musyir Safwan@Omar Abdul Aziz bin Mohammad Mahyuddin dan Dayang Iman Zahra binti Haji Ady Syarmin dari International School Brunei (ISB), serta Dayang Nurul Lily Jasmine binti Mohamad Noh dari Jerudong International School Brunei (JIS).

Delegasi berkenaan turut disertai oleh Dayang Hajah Noor Linda binti Haji Nasir dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, selaku peserta guru, guru pengawas dan mentor.

Program yang bertemakan 'Climate Action and Responsible e-innovation for Sustainability (ASEAN+3 CARES)' merupakan program tahunan yang dirancang khusus untuk pelajar-pelajar cerdas pintar berumur 13 hingga 15 dari negara-negara ASEAN+3 yang menunjukkan potensi yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi.

Selaras dengan matlamat tersebut, program ini turut bertujuan untuk membangunkan pemikiran saintifik melalui pembelajaran langsung, menggalakkan kerjasama merentas budaya, mendedahkan pelajar kepada cabaran saintifik dunia sebenar serta memberi inspirasi kepada mereka untuk menceburi kerjaya masa depan dalam bidang sains, penyelidikan dan inovasi.

Pelbagai aktiviti telah disusun untuk para pelajar sebelum dan sepanjang penyertaan mereka dalam APTJSO-11. Sebagai persediaan awal, setiap pasukan telah diberikan tugas pra-Odyssey untuk menghasilkan video berdurasi antara tiga hingga lima minit yang menegenahkan isu tempatan berkaitan perubahan iklim, kelestarian, atau daya tahan terhadap bencana alam yang akan dinilai semasa APTJSO-11.

Sepanjang program APTJSO-11, para pelajar akan mengikuti pelbagai aktiviti, termasuk mendengar uaputama semasa Majlis Pembukaan,

menghadiri sesi pertemuan dan perbincangan panel bersama saintis, penilaian makmal (*lab assessment*), menyertai kajian lapangan (*field study*), menghadiri kuliah berkaitan tema program serta sesi *pitching*.

Selain itu, para pelajar juga akan mengambil bahagian dalam aktiviti pertukaran budaya dan Festival Makanan (Food Festival).

Selain penyertaan pelajar, APTJSO-11 turut menyediakan platform kepada para pendidik untuk berkongsi amalan terbaik, pengalaman profesional serta menegenahkan inisiatif inovatif dalam bidang tindakan iklim, daya tahan, kelestarian dan pendidikan sains.

Para guru yang menyertai program ini juga akan mengikuti pelbagai aktiviti, termasuk sesi 'Meet the Scientists dan Panel Discussion with Scientists', pembentangan Best Practices, Focus Group Discussion, kajian lapangan, bengkel serta lawatan pendidikan. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk menggalakkan kerjasama, pertukaran idea dan pembelajaran di peringkat antarabangsa dalam kalangan para pendidik dari negara-negara peserta.

Dalam sesi pembentangan amalan terbaik, Dayang Hajah Noor Linda akan menyampaikan pembentangan bertajuk 'The Pre-Lesson Struggle: The Secret to Developing Cognitively Flexible Biology Students'.

Hospital SSB raikan Sambutan Hari Jururawat, Perbidanan Antarabangsa 2026

■ Berita dan Foto oleh : Nurdiyana Rajami

KUALA BELAIT, Sabtu, 4 Julai. - Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait telah mengadakan Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2026 dan Hari Perbidanan Antarabangsa 2026 bagi Daerah Belait berlangsung di Dewan Kuliah, Blok 'R', Hospital SSB, Kuala Belait, pagi tadi.

Hari Jururawat Antarabangsa (International Nurses Day - IND) pada lazimnya disambut pada setiap 12 Mei dan Hari Bidan Antarabangsa (International Day of the Midwife - IDM) disambut pada 5 Mei setiap tahun.

Pada tahun ini, tema bagi Hari Jururawat Antarabangsa 2026 telah dipilih oleh International Council of Nurses (ICN) ialah 'Our Nurses. Our Future. Empowered Nurses Save Lives.'

Sementara itu, tema Hari Perbidanan Antarabangsa bagi tahun ini ialah 'One Million More Midwives'.

Tema yang diketengahkan oleh Komuniti Kejururawatan dan Perbidanan Antarabangsa pada tahun ini memberikan penekanan kepada kepentingan memperkasakan tenaga kerja kejururawatan dan perbidanan sebagai tunjang utama sistem kesihatan negara. Tema pada tahun ini juga menekankan bahawa pelaburan terhadap pembangunan profesional, kesejahteraan mental dan fizikal, keselamatan tempat kerja serta peluang pembangunan kerjaya adalah penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mampan.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat di majlis sambutan berkenaan ialah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Saleh Kamal bin Haji Badarudin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Guru Ugama, Awang Haji Md. Ali Omar dan diteruskan dengan menyaksikan tayangan video sempena Hari Jururawat Antarabangsa 2026 dan Hari

Perbidanan Antarabangsa 2026. Turut dimuatkan dalam majlis ialah acara memotong kek bersempena sambutan hari-hari berkenaan.

Antara aktiviti lain semasa berlangsungnya majlis sambutan berkenaan ialah mini pameran dan booth jualan makanan dan minuman yang diadakan di ruang legar Klinik Pakar (aras bawah) dan ruang legar Blok 'R', Hospital SSB, Kuala Belait.

Adapun objektif Sambutan

Hari Jururawat Antarabangsa dan Hari Perbidanan Antarabangsa pada tahun ini adalah sebagai satu platform untuk menghargai sumbangan para jururawat dan bidan, mengukuhkan semangat kerjasama antara warga kejururawatan dan perbidanan, serta memupuk budaya kerja yang positif dan berdaya tahan. Sambutan ini juga diharap dapat meningkatkan motivasi, profesionalisme dan kesejahteraan warga kejururawatan dan perbidanan dalam mendukung visi serta misi perkhidmatan kesihatan negara.



KETIKA acara memotong kek sempena Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2026 dan Hari Perbidanan Antarabangsa 2026 bagi Daerah Belait yang telah berlangsung di Dewan Kuliah, Blok 'R', Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hijrah: Mengubah Diri, Mengubah Dunia'. Tarikh Tutup : 8 Julai 2026
2. 'Persekitaran Sihat, Selamat Pengaruhi Kehidupan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 15 Julai 2026
3. 'Pencemaran di Lautan : Cabaran dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 22 Julai 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Ihsan Beauteleven

INDUSTRI fesyen, tekstil dan gaya hidup menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara, selain mampu menjana pendapatan tinggi serta menawarkan peluang pekerjaan dalam bidang berkaitan.

Seperti halnya di Negara Brunei Darussalam sendiri, walaupun negara yang kecil, namun tidak ketinggalan dalam melahirkan banyak anak-anak tempatan yang melibatkan diri dalam bidang perusahaan antaranya dalam bidang perbutikkan atau fesyen dengan masing-masing mempunyai perjuangan tersendiri. Namun satu perkembangan ketara yang dilihat dalam kalangan fesyen di negara ini ialah tumpuan mereka bukan terikat kepada sekadar menghasilkan pakaian cantik, bahkan peranan ditingkatkan dalam mengubah pengayaan industri fesyen demi tujuan yang lebih bermakna sekali gus turut memikul tanggungjawab penting dalam mendidik masyarakat untuk tampil mengikut kesesuaian persekitaran, budaya dan agama.

Nuramanina Zamri, 31 tahun dan lahir pada 11 November 1994 adalah antara anak tempatan yang kini berhasil membuka perusahaan beliau sendiri dalam bidang fesyen atau butik yang juga tidak ketinggalan dalam merebut peluang memajukan diri di setiap kesempatan.

Walaupun tidak mengikuti kursus khusus dalam bidang fesyen secara formal, Nuramanina yang merupakan graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dengan berbekalkan ilmu dalam aspek pengurusan perniagaan, pemasaran, kewangan dan pembangunan usahawan seterusnya turut menyertai program inkubasi keusahawanan yang ditawarkan oleh UBD. Dari sinilah beliau memperoleh pendedahan dan bimbingan mengenai cara membangunkan perniagaan, pengurusan operasi, strategi pemasaran serta pembangunan jenama. Pengalaman dan ilmu yang diperoleh melalui pengajian serta program inkubasi tersebut menjadi asas kepada penubuhan dan perkembangan Beauteleven sehingga hari ini.

"Beauteleven mempunyai makna yang sangat istimewa bagi saya. Perkataan 'Beaute' diambil daripada perkataan *beauty* yang membawa maksud kecantikan. Ia melambangkan kepercayaan saya bahawa setiap individu mempunyai kecantikan

tersendiri, tanpa mengira warna kulit, saiz badan, bentuk fizikal atau latar belakang. Saya ingin Beauteleven menjadi sebuah jenama yang meraikan keyakinan diri dan kecantikan dalam pelbagai bentuk. Manakala 'Eleven' pula merupakan nombor kegemaran dan nombor bertuah saya. Selain itu, nombor tersebut juga mempunyai nilai sentimental kerana ketika memulakan perniagaan ini, saya hanya bermula dengan 11 helai tudung sahaja. Daripada jumlah yang kecil itulah Beauteleven berkembang sehingga menjadi seperti hari ini. Oleh itu, nama Beauteleven bukan sekadar nama perniagaan, tetapi juga menggambarkan perjalanan, impian dan nilai yang saya pegang sejak awal penubuhannya," ungkap Nuramanina.

Terangnya lagi, Beauteleven telah ditubuhkan sejak tahun 2019, kerana minat terhadap dunia fesyen sebenarnya bermula sejak usia muda dan sentiasa tertarik dengan bagaimana pakaian bukan sahaja menjadi keperluan harian, tetapi juga mampu meningkatkan keyakinan diri seseorang dan menjadi medium untuk mengekspresikan personaliti masing-masing.

"Selepas menamatkan pengajian dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di UBD, saya mula melihat peluang untuk menggabungkan minat terhadap fesyen dengan ilmu perniagaan yang telah saya pelajari. Dengan modal yang sederhana saya memberanikan diri untuk memulakan Beauteleven secara dalam talian. Apa yang mendorong saya untuk terjun ke bidang ini adalah keinginan untuk membina jenama sendiri serta menyediakan pilihan fesyen yang membuatkan wanita berasa lebih yakin dan selesa dengan diri mereka melalui Beauteleven saya ingin membantu mereka menyerlahkan keyakinan tersebut.

"Perjalanan ini tentunya tidak mudah kerana terdapat pelbagai cabaran, terutama pada peringkat awal perniagaan. Namun, sokongan pelanggan, keluarga dan pasukan yang sentiasa percaya kepada visi Beauteleven telah menjadi sumber kekuatan untuk saya terus berkembang dan mendapat kepercayaan ramai pelanggan di Brunei," ujarnya mengimbas awal penglibatan dalam menubuhkan Beauteleven.

Pada peringkat awal penubuhan Beauteleven, jelasnya, persediaan kewangan beliau bermula daripada simpanan sendiri. Ketika itu, ia bekerja

secara sambilan sebagai guru tuisyen, dan pada masa yang sama elau yang diterima semasa pengajian di UBD turut membantunya mengumpulkan modal permulaan untuk menjalankan perniagaan dan bermula secara kecil-kecilan dan menguruskan kewangan dengan berhati-hati agar perniagaan dapat berkembang secara berperingkat tanpa memerlukan modal yang terlalu besar.

Dalam pemilihan pembekal, Nuramanina sentiasa mengutamakan pembekal yang mempunyai rekod yang baik dari segi kualiti produk, konsistensi bekalan dan kebolehpercayaan. Kebanyakan produk Beauteleven diperoleh daripada pembekal yang telah melalui proses penilaian dan pemilihan yang teliti, sama ada dari dalam negara mahupun luar negara. Sebelum sesuatu produk diperkenalkan kepada pelanggan, semakan dan penilaian dibuat terlebih dahulu bagi memastikan ia memenuhi standard yang ditetapkan oleh Beauteleven. Dari segi pemilihan kualiti pula, keselesaan, kualiti fabrik, jahitan, ketahanan dan kesesuaian produk amat dititikberatkan kerana pelanggan bukan sahaja mencari reka bentuk yang cantik, tetapi juga produk yang selesa dipakai dan mempunyai nilai yang berbaloi dengan harga yang ditawarkan.

"Bagi saya, kepuasan pelanggan adalah keutamaan. Oleh itu, setiap produk yang dibawa masuk ke Beauteleven perlu melalui proses pemilihan yang teliti supaya pelanggan bukan sahaja tertarik dengan reka bentuknya, tetapi juga berpuas hati dengan kualiti apabila menggunakannya. Bagi saya, pengalaman pelanggan merupakan salah satu aspek yang paling penting dalam sebuah perniagaan. Di samping sentiasa memastikan susun atur butik Beauteleven berada dalam keadaan yang kemas, dan selesa supaya pelanggan dapat melihat serta memilih produk dengan mudah mengikut kategori dan koleksi tertentu agar dapat membuat pilihan dengan lebih teratur tanpa berasa keliru.

"Bagi saya, pelanggan bukan sekadar datang untuk membeli produk, tetapi mereka juga menghargai pengalaman dan layanan yang diterima. Apabila pelanggan berasa selesa, dihargai dan mendapat perkhidmatan yang baik, mereka akan lebih yakin untuk kembali berkunjung ke Beauteleven pada masa akan datang," jelasnya.

Industri fesyen sememangnya sentiasa berubah dan berkembang dari semasa ke semasa. Sebagai pemilik butik, terangnya, ia perlu peka terhadap perkembangan trend

terkini, pada masa yang sama perlu memastikan produk yang dipilih sesuai dengan kehendak dan gaya pelanggan Beauteleven.

Jelasnya menambah, bagi menghadapi perubahan ini, beliau sentiasa membuat kajian pasaran, mengikuti perkembangan fesyen melalui platform digital, menghadiri pameran atau acara berkaitan industri serta melihat trend yang sedang mendapat perhatian di peringkat serantau dan antarabangsa.

Tambahnya kejayaan sesebuah jenama bukan hanya bergantung kepada produk, tetapi juga kepada kekuatan pasukan, di Beauteleven, ia sentiasa mengamalkan budaya kerja yang positif, harmoni dan saling menyokong antara satu sama lain, menghargai pandangan dan idea daripada setiap ahli pasukan penting kerana mereka juga merupakan individu yang berinteraksi secara langsung dengan pelanggan dan memahami kehendak pasaran semasa dan itulah nilai yang sentiasa dipegang di Beauteleven.

"Kepada para belia, nasihat saya ialah jangan takut untuk bermula walaupun dari langkah yang kecil. Ramai orang mempunyai impian yang besar, tetapi tidak ramai yang berani mengambil langkah pertama untuk merealisasikan. Saya sendiri memulakan Beauteleven dengan hanya 11 helai tudung dan modal yang terhad. Apa yang penting adalah keberanian untuk mencuba, kesungguhan untuk belajar dan kesabaran untuk terus berusaha walaupun berhadapan dengan cabaran. Jangan malu untuk bertanya, mencari mentor atau mendapatkan bimbingan daripada mereka yang lebih berpengalaman dan apa yang penting membina sikap positif, berdisiplin dan menghargai kerja berpasukan. Kejayaan bukanlah hasil usaha seorang individu sahaja, tetapi juga hasil sokongan keluarga, rakan-rakan dan pasukan yang sentiasa berada di sisi kita. Oleh itu, sentiasalah menghargai orang yang membantu dalam perjalanan kita.

"Akhir sekali, jangan membandingkan perjalanan hidup awda dengan orang lain kerana setiap orang mempunyai rezeki dan masa kejayaan yang berbeza. Teruskan berusaha, kekal fokus pada matlamat dan jangan mudah berputus asa. InsyaaAllah, dengan usaha yang konsisten, doa dan tawakal, impian yang pada mulanya kelihatan mustahil mampu menjadi satu realiti," ungkap Nuramanina mengakhiri temu bualnya.

PELITA BRUNEI Hari Rabu 6 Julai, 1966

Muka 3.

SAMBUTAN MAULUD DI-MUARA

PEKAN MUARA. — Penduduk2 di-kawasan Muara telah menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Nabi Mohamed s.a.w., dengan mengadakan satu perarakan melalui Pekan Muara pada petang hari Juma'at yang lalu.

Perayaan tersebut telah dibuka dengan rasmi-nya oleh Yang Mulia Awang Ali bin Awang Ahmad, Ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi kawasan Muara bertempat di-Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Sa-lepas berarak semua pasokan2 yang mengambil bahagian telah berkumpul di-parkaran Masjid Setia Ali dimana telah di-adakan Majlis Memberi Uchapan dan Menyampaikan Hadiah.

Uchapan2 telah di-lafadzkan oleh Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin; Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Awang Abdul Salam bin Abdul Razak dan oleh Setia Usaha Sambutan tersebut, Chegu Abdul Rahman bin Haji Hashim.

Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin telah menyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya dalam perarakan tersebut.

Keputusan perarakan itu ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN KAMPONG2:

Pertama — Kampong Serasa. Kedua — Badan Kebajikan Kampong Masjid Lama. Ketiga — Kampong Sabun.

BAHAGIAN SEKOLAH2:

Pertama — Sekolah Ugama Serasa. Kedua — Sekolah Ugama Sultan Umar Ali Saifuddin, Pekan Muara. Ketiga — Sekolah Ugama Tanah Jambu.

Majlis itu di-tamatkan dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Imam Masjid Setia Ali, Awang Abdul Aziz bin Haji Mahmud.

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6 Julai, hingga ka-hari Selasa 12 Julai, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari							Matahari
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
6	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
7	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
8	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
9	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
10	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
11	12-31	3-51	6-42	7-52	4-40	4-55	6-13
12	12-31	3-51	6-42	7-52	4-40	4-55	6-13

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

KEPUTUSAN PERARAKAN MAULUD DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 80 pasokan mengandungi tidak kurang daripada 4,000 orang peserta2, telah mengambil bahagian dalam perarakan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., di-Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan hadiah2.

Perarakan itu telah di-bahagikan kepada lima bahagian, ia-itu (a) Bahagian2 Lelaki Dewasa Kampong2; (b) Bahagian Lelaki Dewasa Jabatan2, Persatuan2, Maktab2, Sekolah Menengah; (c) Bahagian Murid2 Perempuan2 Dewasa; (d) Bahagian Murid2 Sekolah Perempuan dan (e) Bahagian Murid2 Sekolah Lelaki.

Keputusan perarakan tersebut ada-lah seperti berikut:

but ada-lah seperti berikut:

- (a) BAHAGIAN LELAKI DEWASA KAMPONG2: Johan — Gabungan Kampong2 Telanai, Mediwa, Bengkurong dan Tasek Meradun. Naib Johan — Kampong Pintu Malim. Ketiga — Kampong Pengiran Pemancha Lama, Brunei.
- (b) BAHAGIAN LELAKI DEWASA, JABATAN2,

PERSATUAN2, MAK-TAB2 DAN SEKOLAH MENENGAH: Johan — Puli Diraja Brunei. Naib Johan — Persatuan Kebajikan Melayu Sa-Malaysia. Ketiga — Persatuan Angkatan Pemuda / Pemuda Kampong Sultan Lama.

(c) BAHAGIAN PEREMPUAN DEWASA: Johan — Maktab Perguruan Melayu Brunei. Naib Johan — Kampong Pandai Besi "B". Ketiga — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

(d) BAHAGIAN MURID2 SEKOLAH PEREMPUAN: Johan — Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bahagian "A". Naib Johan — Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bahagian "B". Ketiga — Sekolah Ugama Perempuan Bandar Brunei, Bahagian "B".

(e) BAHAGIAN MURID2 SEKOLAH LELAKI: Johan — Asrama, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Naib Johan — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Ketiga — Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, Bandar Brunei.

Pemenang2 Perarakan Maulud Di-Pekan Muara



GAMBAR ATAS: Pasokan Kampong Serasa yang telah menjadi Johan dalam Bahagian Kampong2.

GAMBAR KIRI: Pasokan Sekolah Ugama Serasa yang telah menjadi Johan dalam Bahagian Sekolah2.

DERMA KENANGAN MAULUD

BANDAR BRUNEI. — Jawatan Kuasa Derma Kenangan Maulud Nabi Negeri Brunei telah melancarkan jualan lenchana bagi mengutip derma tersebut.

Lenchana itu ada-lah dua jenis, ia-itu jenis kecil yang di-buat daripada kertas dan lenchana besar berbentuk bulat di-buat daripada plastik yang boleh di-pasang di-chermin kereta.

Orang ramai ada-lah di-jemput membantu tabong derma tersebut.

PRELUDE ANUGERAH PELANGI 10 UMUMKAN TOP 5 SETIAP KATEGORI

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Julai. - Prelude Anugerah Pelangi 10 anjuran Radio Televisyen Brunei (RTB) diadakan petang tadi bertempat di Onecity Shopping Centre, bagi mengumumkan kepada orang ramai Top 5 setiap kategori yang dipertandingkan dan penilaiannya telah pun dibuat oleh juri-juri profesional.

Proses pemilihan awal adalah menerusi proses penapisan lirik, penetapan genre muzik, penilaian kualiti vokal dan rakaman.

Pemenang setiap kategori Anugerah Pelangi 10 akan diumumkan nanti pada Festival Media Kreatif.

Hadir selaku tetamu khas untuk menyaksikan acara berkenaan ialah Pemangku Timbalan Pengarah (Kemajuan) RTB, Dayang Ismawaty binti Haji Ma'aruf; pegawai-pegawai kanan RTB dan orang ramai.

Program ini menyaksikan persembahan menarik daripada beberapa orang penyanyi tanah air yang telah memenangi Anugerah

Pelangi sebelum ini antaranya Fakhru Razi, Eia, Dinshe, AJ Abdul, Milin Salim, Browne feat. Sa'adah, Afiq Wafi, Aznniel Yunus, Indra Jaman dan Juan Madial.

Anugerah Pelangi merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan daripada RTB kepada artis-artis tempatan yang bergiat aktif dalam bidang seni muzik termasuk menyanyi dan mencipta lagu.

Anugerah ini diadakan dua tahun sekali untuk membolehkan para penggiat seni menghasilkan lebih banyak karya yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.



PENGUMUMAN Top 5 Prelude Anugerah Pelangi 10 anjuran Radio Televisyen Brunei setiap kategori telah pun diadakan di Onecity Shopping Centre.

Zahir kesyukuran atas pengiktirafan yang diterima



HAJI Malai Abdul Hamid bin Haji Malai Mashor, penerima Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah 1448H bagi Kategori Pewakaf Kedua.

BERAKAS, Sabtu, 4 Julai. - Dalam usaha berterusan memantapkan dan memperkasa syiar Islam di Negara Brunei Darussalam, sumbangan para pewakaf dalam pembangunan masjid sememangnya wajar diberikan penghargaan yang tinggi. Pengorbanan mereka bukan sahaja menyediakan prasarana ibadah yang selesa, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah secara berterusan.

Dua penerima Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah 1448H bagi Kategori Pewakaf menjadi contoh nyata bagaimana amalan wakaf mampu meninggalkan legasi besar kepada masyarakat dan agama, sekali gus memperkukuh institusi masjid sebagai nadi kehidupan umat Islam.

Salah seorang penerima, Awang Haji Hasbi bin Pehin Khatib Abdullah, menzahirkan keikhlasan dan kemurahan hati melalui perwakafan sebuah bangunan masjid yang kini dikenali sebagai Masjid Pehin Khatib Abdullah di Kampung Kulapis.

Masjid yang dibina di atas tanah serapan seluas 5 ekar itu siap sepenuhnya pada 5 ekar itu siap dan diwakafkan dengan kos pembinaan mencecah BND850,000. Sumbangan tersebut mencerminkan komitmen tinggi keluarga beliau dalam memperkukuh syiar Islam melalui penyediaan rumah Allah sebagai pusat ibadah, penyebaran ilmu serta pembangunan masyarakat.

Lebih membanggakan, sehingga kini beliau bersama keluarga terus menyumbang kepada pemeliharaan dan penyelenggaraan keperluan masjid berkenaan, membuktikan bahawa amalan wakaf bukan sekadar sumbangan sekali sahaja tetapi satu amanah yang terus dipelihara demi manfaat generasi akan

datang.

Seorang lagi penerima, Haji Malai Abdul Hamid bin Haji Malai Mashor, mewakili keluarga Allahyarham Malai Haji Mashor bin Malai Haji Damit, turut melahirkan rasa syukur atas pengiktirafan yang diterima.

Sumbangan wakaf yang diberikan oleh penerima bersama keluarga merupakan satu amalan mulia yang wajar dicontohi. Pada Oktober 1992, mereka telah mewakafkan wang tunai berjumlah BND162,000 bagi pembinaan Masjid Al-Mashor di Kuala Belait.

Wakaf tersebut bukan sahaja menyumbang kepada penyediaan prasarana ibadah yang selesa, malah menjadi bukti keikhlasan dan komitmen mereka dalam memperkasa syiar Islam serta memberi manfaat berpanjangan kepada masyarakat.

"Alhamdulillah, masjid kami sentiasa berusaha menjadi pusat ibadah, pendidikan Islam dan pembangunan ummah melalui pelbagai aktiviti keagamaan yang dilaksanakan secara berterusan," jelasnya.

Antara aktiviti utama yang ditawarkan kepada penerimaan anugerah tersebut termasuk Program Ihya' Ramadan dan Ihya' 10 Malam Terakhir Ramadan, Kelas Fardu Ain dan Pengajian Tafsir Al-Quran, Program Pembangunan Remaja Masjid, Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam, Pengimarahkan Sembahyang Fardu Lima Waktu dan Sembahyang Jumaat.

Hasil kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir, Imam, Bilal, Siak serta sokongan masyarakat, masjid juga telah berjaya berfungsi sebagai pusat ibadah, pendidikan dan pembangunan ummah, sekali gus menjadi antara faktor utama penerimaan anugerah yang diberikan.

Menurut beliau, masjid sentiasa berusaha menjadi pusat ibadah, pendidikan Islam dan pembangunan ummah melalui pelbagai aktiviti keagamaan yang dilaksanakan secara konsisten sepanjang tahun.

Pada pendapat beliau, masjid berperanan sebagai institusi utama dalam memperkukuh dan memantapkan aqidah umat Islam dengan menjadi pusat ibadah, penyebaran ilmu dan pembentukan akhlak berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah.

"Dalam menghadapi cabaran dunia masa kini seperti pengaruh negatif, fahaman yang mengelirukan dan penyebaran maklumat yang tidak sahih, masjid hendaklah memperbanyakkan pengajian agama serta program yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Melalui usaha ini, masjid bukan sahaja menjadi tempat beribadah, malah menjadi benteng yang membentuk masyarakat yang berilmu, beriman, berakhlak mulia dan bersedia menghadapi cabaran semasa," ujar beliau.

Perancangan kami adalah untuk terus memperkasakan peranan masjid sebagai pusat ibadah, pendidikan dan dakwah melalui penganjuran program keagamaan yang melibatkan semua lapisan masyarakat, khususnya golongan belia.

Di samping itu, kerjasama dengan pelbagai pihak serta penggunaan platform digital akan terus diperkasakan bagi menyebarkan ilmu yang sahih dan mengukuhkan syiar Islam. InsyaAllah, usaha ini akan menjadikan masjid terus relevan dalam membentuk masyarakat yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia.

Didikan dan pesanan Allahyarham Haji Malai Mashor mengajar bahawa nilai sebenar rezeki bukan terletak pada apa yang dimiliki, tetapi pada manfaat yang dapat dikongsi untuk masyarakat kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Atas semangat itulah masjid ini dibina sebagai tanda mengenang Allahyarham, dengan harapan ia terus menjadi pusat penyatuan masyarakat, pengukuhan ukhawah dan penyebaran syiar Islam.

Manakala keprihatinan golongan usahawan dalam menunaikan tanggungjawab sosial dan



PENGARAH Haji Daud Properties, Awang Haji Zainal bin Haji Md. Daud menerima Penghargaan Ilal Hijrah Kategori Muzakki yang diberikan kepada Haji Daud Properties.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

kewajipan agama terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat, khususnya melalui pengagihan zakat harta perniagaan kepada golongan yang memerlukan.

Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah Kategori Muzakki telah diberikan kepada Haji Daud Properties dalam menghargai sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan sebagai komitmen dan dedikasi dalam memakmurkan syiar Islam.

Menurut Pengarah Haji Daud Properties, Awang Haji Zainal bin Haji Md. Daud, merupakan antara tokoh korporat yang konsisten menzahirkan komitmen dalam membantu masyarakat melalui pelbagai sumbangan kebajikan dan amal jariah.

Antara persatuan dan individu yang pernah menerima bantuan beliau termasuk Yayasan Kanser Kanak-kanak, anak-anak yatim daripada keluarga yang

memerlukan, pelajar yang memerlukan sokongan kewangan untuk meneruskan pendidikan, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Tabung Kemanusiaan Palestin serta Tabung Anak Yatim Daerah Brunei Muara.

Selain itu, sumbangan tahunan kepada anak-anak yatim turut diberikan khususnya pada awal bulan Ramadan. Tidak ketinggalan, bantuan juga disalurkan kepada masjid-masjid bagi menyokong aktiviti keagamaan serta memperkukuh syiar Islam di negara ini.

Usaha murni seperti yang ditunjukkan oleh Haji Zainal diharap dapat menjadi inspirasi kepada lebih ramai usahawan dan pemilik perniagaan untuk terus menunaikan zakat harta perniagaan serta memperbanyakkan sumbangan kebajikan demi kesejahteraan ummah.



AWANG Haji Hasbi bin Pehin Khatib Abdullah, penerima Anugerah Penghargaan Ilal Hijrah 1448H bagi Kategori Pewakaf Pertama.

MALAYSIA SASAR EKSPORT DURIAN KE REPUBLIK RAKYAT CHINA RM932.3 JUTA MENJELANG 2030



BEIJING, 5 Julai. - Malaysia menasaskan eksport durian ke Republik Rakyat China bernilai US\$229 juta (RM932.3 juta) menjelang 2030, didorong oleh peningkatan permintaan daripada pengguna di negara itu serta pertumbuhan kukuh penghantaran durian segar dan sejuk beku.

Pesuruhjaya Perdagangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Menteri Penasihat (Perdagangan) Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, Niqman Rafaeel M. Sahar berkata eksport durian segar melonjak sejak Malaysia memperoleh akses pasaran ke Republik Rakyat China pada Ogos 2024.

"Eksport durian segar meningkat lebih 500 peratus, daripada kira-kira US\$5 juta (RM20.4 juta) kepada US\$37 juta (RM150.6 juta) pada 2025 sahaja. Eksport durian sejuk beku pula mencecah hampir US\$202 juta (RM822.3 juta) pada 2025, dan momentum positif itu berterusan pada suku pertama 2026.

"Pada suku pertama 2026, eksport durian Malaysia mencecah US\$77 juta (RM313.5 juta), dan kami sedang berusaha mencapai sasaran US\$229 juta (RM932.3 juta) menjelang 2030," katanya kepada Bernama selepas pelancaran Durian Cube, sebuah

kedai utama yang menjual durian Malaysia secara eksklusif di Beijing pada Sabtu.

Niqman Rafaeel berkata Republik Rakyat China mengimport durian bernilai hampir US\$7 bilion (RM28.5 bilion) setiap tahun, kebanyakannya dari negara ASEAN, namun Malaysia tampil berbeza dengan menawarkan varieti premium.

"Black Thorn dan Musang King Malaysia sangat popular di pasaran di sini. Kami tidak bersaing dari segi harga. Apa yang penting ialah menawarkan produk terbaik kepada pasaran. Durian kami dibiarkan masak secara semula jadi dan gugur dari pokok sebelum dieksport ke China dalam tempoh 48 jam," katanya.

Beliau berkata Malaysia kini menguasai kira-kira empat hingga lima peratus pasaran durian Republik Rakyat China dan menasaskan untuk meningkatkan bahagiannya kepada antara lapan hingga 10 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang, bergantung kepada bekalan.

Selain durian segar dan sejuk beku, Niqman Rafaeel berkata permintaan terhadap produk berasaskan durian Malaysia juga semakin meningkat di Republik Rakyat China.

"Industri hotel, restoran dan katering mengimport durian

Malaysia untuk menghasilkan pastri, coklat, snek, mochi dan pencuci mulut sejuk beku. Ini membuka lebih banyak peluang bukan sahaja kepada durian segar dan sejuk beku, malah produk hiliran," katanya.

Sementara itu, Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Malaysia di Beijing, Norfarina Mohd. Azmee berkata perdagangan durian yang semakin berkembang terus mengukuhkan hubungan Malaysia-Republik Rakyat China, khususnya dalam perdagangan serta hubungan antara rakyat.

Beliau berkata Malaysia mempunyai lebih 100 varieti durian, dengan lebih 30 daripadanya telah dieksport ke Republik Rakyat China.

"Berbanding pengeksport utama ASEAN yang lain, Malaysia mungkin tidak mengeksport jumlah terbesar, tetapi kami mahu memastikan hanya durian premium dihantar. Kami membiarkan buah masak secara semula jadi dan gugur dari pokok. Ini antara ciri yang membezakan durian Malaysia," katanya.

Norfarina berkata Durian Cube, antara kedai utama di Beijing yang menjual durian Malaysia secara eksklusif, mencerminkan permintaan yang semakin meningkat dalam kalangan

pengguna Republik Rakyat China.

"Kami melihat durian bukan sekadar produk perdagangan, tetapi juga sebagai "diplomasi durian". Melalui durian, masyarakat dapat mengenali Malaysia dengan lebih dekat, termasuk budaya dan sektor pertanian negara. Memandangkan 2026 ialah Tahun Melawat Malaysia, promosi durian Malaysia juga merupakan peluang untuk menggalakkan lebih ramai pelancong China berkunjung ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata kedutaan akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan, syarikat dan pihak berkepentingan industri bagi mempromosikan durian Malaysia di Republik Rakyat China.

Sementara itu, Pengarah Sri Walis (M) Sdn Bhd K.P. Pang berkata permintaan terhadap durian segar Malaysia di Republik Rakyat China telah melonjak, dengan jualan syarikatnya meningkat tiga kali ganda

berbanding tahun lalu.

"Kami membekalkan durian ke lima bandar iaitu Shenzhen, Guangzhou, Beijing, Shanghai dan Hangzhou. Jualan syarikat kami meningkat tiga kali ganda dan pasaran berkembang dengan sangat pesat," katanya.

Pang berkata syarikat itu mengeksport kira-kira 1,000 tan durian segar ke Republik Rakyat China setiap tahun dengan hasil sekitar RM30 juta, dan menjangkakan penghantaran meningkat kepada antara 2,000 hingga 3,000 tan tahun depan.

Beliau berkata mengekalkan kesegaran durian pada musim panas kekal menjadi cabaran berikutan jangka hayat simpanannya yang lebih singkat, namun syarikat terus menambah baik proses pengendalian dan pemeliharaan buah itu. - ©BERNAMA

Pesakit ebola pertama di Republik Perancis pulih

PARIS, 5 Julai. - Menteri Kesihatan Republik Perancis Stephanie Rist mengumumkan pesakit pertama yang disahkan dijangkiti Ebola di Republik Perancis telah pulih dan dibenarkan keluar dari hospital selepas menerima rawatan perubatan yang diperlukan, lapor Agensi Berita Emirates (WAM).

Dalam satu kenyataan, Rist

berkata pesakit berkenaan, seorang doktor yang terlibat dalam misi bantuan kemanusiaan, pulang ke Republik Perancis pada 23 Jun dari Republik Demokratik Congo (DR Congo) yang sedang berdepan penularan wabak Ebola.

Beliau diletakkan di bawah pemantauan perubatan rapi dan

tidak mengalami gejala serius, sekali gus membolehkannya dibenarkan keluar dari hospital.

DR Congo berdepan penularan baharu wabak Ebola sejak 15 Mei.

Menurut angka rasmi terkini kerajaan, wabak itu telah meragut 438 nyawa daripada 1,502 kes yang disahkan. - ©BERNAMA

2 maut, seorang cedera dalam insiden tembakan di Michigan

MOSCOW, 4 Julai. - Dua individu maut manakala seorang lagi cedera dalam insiden tembakan di sebuah pusat beli-belah di Michigan, Amerika Syarikat (AS), menurut CBS News yang memetik polis

tempatan, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Menurut polis, insiden tembakan itu berlaku di Fairlane Town Centre di Dearborn, Michigan pada petang Jumaat.

Insiden itu bermula dengan pertengkaran antara dua kumpulan sebelum bertukar menjadi insiden tembakan.

Menurut polis, ketiga-tiga mangsa ialah lelaki muda. - ©BERNAMA

Republik Sosialis Viet Nam keluar amaran kepada lebih 56,000 bot ketika Taufan Maysak hampiri pantai utara

HANOI, 4 Julai. - Pihak berkuasa Republik Sosialis Viet Nam mengeluarkan amaran kepada 56,240 pemilik bot dan 249,184 individu mengenai perkembangan terkini serta laluan dijangka dilalui Taufan Maysak, bagi membantu mereka mengelakkan kawasan perairan berbahaya dan berpindah ke lokasi yang lebih selamat, menurut Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana dan Benteng Republik Sosialis Viet Nam pada Jumaat, lapor Xinhua.

Taufan Maysak dijangka bergerak menuju ke perairan di

luar pantai utara Republik Sosialis Viet Nam dan menjejaskan kawasan timur laut negara itu dalam beberapa hari akan datang, menurut Pusat Ramalan Hidrometeorologi Kebangsaan.

Wilayah Quang Ninh di utara Republik Sosialis Viet Nam melarang semua bot keluar ke laut mulai tengah hari Jumaat, manakala wilayah Ninh Binh turut menguatkuasakan larangan yang sama bermula 2 petang pada hari yang sama. Pusat itu turut memberi amaran bahawa sungai di seluruh kawasan timur laut

Republik Sosialis Viet Nam berisiko mengalami banjir bermula Sabtu hingga Selasa depan.

Menurut Agensi Berita Vietnam (VNA), Kementerian Pertanian dan Alam Sekitar mengarahkan pihak berkuasa tempatan di Quang Ninh, Hai Phong, Hung Yen, Ninh Binh dan Thanh Hoa supaya mengambil langkah melindungi sistem benteng daripada kesan taufan, hujan lebat dan banjir yang dijangka berlaku susulan bencana itu. - ©BERNAMA

Peru isytihar Keiko Fujimori sebagai presiden 2026-2031

LIMA, 4 Julai. - Presiden Juri Pilihan Raya Kebangsaan Peru, Roberto Burneo pada Jumaat mengisytiharkan Keiko Fujimori daripada parti Popular Force sebagai presiden negara itu bagi penggal 2026-2031, lapor Xinhua.

Menurut kiraan rasmi oleh Pejabat Kebangsaan Proses Pilihan Raya, Fujimori menerima lebih 50 peratus daripada jumlah undi pada pilihan raya presiden yang diadakan pada 7 Jun lepas.

"Bagi pihak Juri Pilihan Raya Kebangsaan, saya secara rasmi mengisytiharkan Keiko Fujimori sebagai Presiden Republik bersama gandingan beliau yang dipilih berdasarkan "kehendak berdaulat" rakyat Peru," kata Burneo pada majlis itu.

Fujimori akan mengangkat sumpah jawatan pada 28 Julai ini, dengan Luis Galarreta sebagai naib presiden pertama dan Miguel Torres sebagai naib presiden kedua. - ©BERNAMA

Thailand lancar platform banteras penipuan siber, pemerdagangan manusia

BANGKOK, 4 Julai. - Dialog Operasi Antarabangsa Mengenai Pembantaranan Penipuan Siber dan Jenayah Paksaan berakhir di sini pada Jumaat dengan pelancaran platform perkongsian maklumat yang dibangunkan Thailand bagi membanteras rangkaian rentas sempadan penipuan siber dan pemerdagangan manusia, lapor Xinhua.

Berucap pada majlis penutupan, Timbalan Pesuruhjaya Jeneral Polis Diraja Thailand merangkap Pengarah Pusat Antipemerdagangan Manusia, Tatchai Pitaneelaboot berkata kelewatan perkongsian maklumat antara pihak berkuasa sering melambatkan siasatan, tangkapan dan usaha menyelamatkan mangsa.

"Bagi menangani cabaran ini, kerajaan Thailand telah membangunkan aplikasi web berpusat yang membolehkan negara peserta bertukar data secara selamat dan cekap," katanya kepada perwakilan negara rakan serta organisasi antarabangsa.

Beliau berkata Sistem Pertukaran Maklumat dan Pangkalan Data Bersepadu Penipuan Siber dan Pemerdagangan Manusia (SHIELD) yang baharu dilancarkan menjadi teras kerjasama itu dengan mengintegrasikan komunikasi rentas sempadan, rekod transaksi perbankan dan data pergerakan bagi mengenal pasti serta melumpuhkan sindiket penipuan global yang kompleks.

Tatchai berkata kekuatan kerjasama itu terletak pada perkongsian risikan yang boleh diambil tindakan secara masa nyata serta pelaksanaan operasi yang pantas. "Dalam usaha ini, tindakan pantas adalah segala-galanya. Setiap minit yang dapat dijimatkan bermakna satu nyawa dapat dilindungi," katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Sosial dan Keselamatan Manusia Thailand Nikorn Soemklang berkata negara itu bersedia bekerjasama dengan rakan yang dipercayai, dengan harapan komitmen bersama itu dapat diterjemahkan kepada tindakan konkrit menerusi rangka kerja perundangan yang lebih kukuh, kerjasama antarabangsa yang lebih erat, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan serta perlindungan bermakna kepada mangsa. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



SUPASTRIKAS FC UNGGULI KEJOHANAN BOLASEPAK MPM TELISAI



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas sekali). Sementara gambar atas, salah satu momen semasa perlawanan akhir berkenaan yang telah mengambil tempat di Kompleks Sukan Cawangan Jabatan Belia dan Sukan Tutong.

TUTONG, Ahad, 5 Julai. – Majlis Perundingan Mukim (MPM) Telisai telah menganjurkan Kejohanan Bolasepak 9 Orang Sepasukan Tahun 2026 yang berlangsung di Kompleks Sukan Cawangan Jabatan Belia dan Sukan Tutong, di sini.

Kejohanan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan dengan menerima penyertaan sebanyak 15 pasukan, sekali gus mencerminkan komitmen dan sokongan padu masyarakat terhadap penganjuran aktiviti sukan dan riadah di peringkat mukim.

Pasukan Supastrikas FC dari Mukim Pekan Tutong, muncul johan sekali gus membawa pulang piala, pingat dan wang tunai berjumlah BND500.

Naib johan pula dimenangi oleh Mukim Keriam, yang menerima piala, pingat dan wang tunai berjumlah BND300. Sementara itu, tempat ketiga bersama menjadi milik Kiudang Warriors dan Echo 995, yang masing-masing menerima piala, pingat dan wang tunai berjumlah BND200.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh MPM Telisai dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong, Persatuan Bolasepak Amatir Daerah Tutong (TDAFA), Majlis-Majlis Perundingan Kampung di bawah Mukim Telisai serta mendapat sokongan daripada Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

Tutong.

Penganjuran kejohanan tersebut bertujuan menyediakan platform yang sihat dan bermanfaat kepada golongan belia serta masyarakat setempat dalam mengisi masa lapang melalui penglibatan aktif dalam aktiviti sukan.

Di samping itu, ia juga menjadi medium untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta memperkukuhkan semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan penduduk kampung, khususnya di Mukim Telisai.

Selain itu, kejohanan berkenaan turut menjadi wadah untuk mencungkil dan menetengahkan bakat-bakat baharu dalam sukan bola sepak di peringkat akar umbi.

Melalui penglibatan dalam acara seperti ini, para peserta dapat memupuk nilai-nilai positif seperti disiplin, semangat kesukanan, daya saing yang sihat serta kerjasama berpasukan.

Penganjuran kejohanan seumpama ini diharap akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang sebagai salah satu usaha berterusan dalam menggalakkan penglibatan aktif belia dalam aktiviti yang berfaedah, di samping memperkukuhkan semangat perpaduan, kerjasama serta kesejahteraan masyarakat selaras dengan aspirasi pembangunan komuniti yang mampan di Daerah Tutong.

Riadah Hijrah eratkan ukhuwah penduduk, jemaah masjid



PENGHULU Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan hadir selaku tetamu kehormat di Acara Riadah Hijrah dan Cabutan Bertuah sempena Sambutan Ilal Hijrah 1448 anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali, Pekan Muara (kiri sekali dan kiri).

berlangsung di Dewan Madrasah, Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Pelbagai hadiah menarik disediakan sebagai penghargaan kepada para peserta yang hadir dan mengambil bahagian dalam program tersebut.

Penganjuran program bersempena Sambutan Ilal Hijrah ini bukan sahaja bertujuan memupuk budaya hidup sihat, malah menjadi wadah untuk memperkukuhkan ukhuwah Islamiah serta mengimarahkan institusi masjid sebagai pusat pembangunan rohani dan kemasyarakatan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

MUARA, Ahad, 5 Julai. - Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali, Pekan Muara pagi tadi menganjurkan Acara Riadah Hijrah dan Cabutan Bertuah sempena Sambutan Ilal Hijrah 1448.

Riadah sejauh 2.66 kilometer tersebut bermula dan berakhir di

kawasan letak kereta masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan.

Juga hadir, ketua-ketua kampung di bawah tadahan Mukim Serasa, Penguasa Balai

Polis, Penasihat Majlis Perundingan Kampung Perpindahan Serasa dan penasihat-penasihat Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Mukim Serasa.

Majlis yang bermula seawal jam 6.30 pagi itu diisi dengan sesi senamrobik sebelum acara walkaton dilepaskan yang diketuai oleh tetamu kehormat.

Penyertaan yang menggalakkan daripada AJK, penduduk kampung dan jemaah masjid mencerminkan semangat perpaduan serta sokongan masyarakat terhadap aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh masjid.

Sejurus selesai acara walkaton, majlis diteruskan dengan acara cabutan bertuah yang

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JAGA PEMAKANAN, BERSENAM SETIAP HARI; PENTING BAGI KESIHATAN FIZIKAL SERTA KESIHATAN MENTAL